

TADBIRAN ADAT PERPATEH

NEGERI SEMBILAN

(Satu Pengkajian Tadbiran Adat Dalam
Bentuk Kejadian-nya Yang Sabenar
Berlaku Sahari-hari).

Latehan Ilmiah

Untuk Memenuhi Keperluan Kelulusan

B.A. (Honours)

Jabatan Pengajian Melayu

oleh

ISMAIL AMBIA

UNIVERSITY MALAYA
SINGAPORE
MARCH, 1959

-: I S I - N Y A :-

Muka

PENGANTAR KATA i

P E N G G A L

I :	PENDAHULUAN	1
II :	SUSUNAN - TADBIR	14
III :	PERHUBONGAN ANTARA ADAT DAN KERAJAAN DAN KEMERUSUTAN ADAT	73
IV :	PERTIKAIAN ANTARA ADAT DAN U.M.N.O. DI-REMBAU	102
V :	KESIMPULAN UMUM	111

PENGHJONGAN

I :	SUMMARY	122
II :	SUMBER2 BACHAAN	125
III :	DI-ANTARA ORANG2 YANG DI-TEMUI	127
IV :	PERBILANGAN ADAT YANG MEMBERI PANDUAN	129
V :	PETA SEMPADAN2 JAJAHAN	134
VI :	PETA KEDUDOKKAN LUAK2 DAN DAERAH2 TADBIR ADAT	135

P E N G A N T A R - K A T A

A. TUJUAN.

Hal Adat Perpateh ini bukan-lah satu perkara baru untuk di-tuliskan, beberapa banyak makalah2, buku2 mengenai-nya telah pun di-siarkan, baik dari segi tadbiran mahu pun kemasharakatan. Tetapi malang-nya hampir semua penulis2 makalah dan buku2 itu ada-lah meninjau hal Adat Perpateh ini dari jauh sahaja yaitu mereka tidak mendapatkan bahan2 daripada pengalaman2 dengan memasuki atau hidup dengan masharakat itu sendiri, mereka ada-lah selalu-nya mendapatkan bahan2 daripada sa-orang dua "informants", mungkin sa-orang Undang, atau Lembaga atau Buapak atau mungkin juga mereka menyambut bahan2 yang telah sedia di-tuliskan. Oleh demikian penulisan-nya itu tidak akan dapat memberikan rupa keadaan yang sabenar-nya berlaku, atau dengan lain perkataan mereka menulis dalam bentuk "static" iaitu dalam bentuk teori-nya sahaja sedangkan dalam kejadian-nya sahari-hari ada-lah berbezaan. Sabagai yang di-nyatakan ini ada-lah disebabkan penulis2 itu tidak membuat penyiasatan2-tempatan atau "field-research" yang luas dan semasak-masak-nya. Pada masa yang akhir2 ini baru-lah terdapat sa-orang dua yang menjalankan "field-research" dengan sechara mendalam dan "scientific" iaitu Michael G. Swift di-Jelebu dan Diane Lewis di-Kampeng Inas Johol, tetapi

mereka⁽¹⁾ ini belum lagi menuliskan atau membukukan segala hasil2 penyiasatan-nya. Ya, buah2 tulisan-nya memang sentiasa kita nanti2-kan kerana bukan sahaja amat berguna bagi keperluan ilmiah bahkan juga amat perlu kapada ahli2 pentadbir di-Negeri Sembilan untek panduan dalam kerja2-nya dan juga amat berguna bagi satu2 ^{orang} rechangun untek pembangunan kampong mithal-nya.

Dalam latehan ilmiah ini penulis akan cuba membicharakan hal tadbiran Adat Perpatah dalam bentuk rupa-nya yang sabenar berlaku, umpama-nya kedudukan Yang di-Pertuan Besar, Undang, Lembaga, Buapak serta chara2 pemilehan-nya pada hari ini, segala selok belok perjalanan tadbiran itu dan mungkin juga hal2 yang kurang manis yang tidak nampak di-lihat dari luar akan di-sentuh juga dan selepas itu penulis akan memberikan satu gambaran sejauh mana-kah Adat ini masih di-gunakan dan di-hargai.

B. BATASAN

Dalam latehan ilmiah ini, oleh kerana kekurangan masa dan juga kesingkatan ruangan, maka penulis akan membuat dua batasan,

-
- 1 a) Michael G. Swift, dari London School of Economics, sekarang peneliti pensyarah di-Jabatan Pengajian Melayu, University of Malaya.
 - b) Diane Lewis, seorang Mahasiswa-lanjutan (post-graduate student) dari Cornell University, United States, masih dalam penyiasatan-nya lagi.

pertama hal yang akan di-bicharakan ini semata-mata tertumpu kepada sesal tadbiran dengan meninggalkan hal2 permasharakatan, ekonomik dan lain2: kedua.siasatan penulis ada-lah terhad kapada tiga luak sahaja iaitu Jelebu, Johol dan Rembau.. Sebab penulis memilih luak2 tersebut ia-lah kerana, di-Jelebu berlaku baru2 ini pertikaian antara Lembaga dan Undang, bagitu juga di-Jehol berlaku satu pertikaian antara Undang dan satu gelangan pegawai2-nya, selain daripada itu, di-Jelebu Tuan Michael G. Swift pengurus latehan-ilmiah ini ada-lah membuat penyiasatan-nya di-situ dan di-Jehol penulis mendapat pertelungan daripada saudari Diane Lewis kerana beliau ada-lah membuat penyiasatan-nya di-situ pula. Dan di-Rembau ada-lah tempat penulis di-peranakan dan di-besarkan.

C. CHARA PENGKAJIAN

Sabahagian besar sumber2 dan kujang² yang di-buat dalam latehan-ilmiah ini ada-lah daripada pengetahuan penulis sendiri sebagai sa-crang anggeta dalam masharakat Adat Perpateh itu yang sama hidup dan memerhatikan perjalanan masharakat itu. Dalam hal teori-nya penulis telah membacha makalah2 dan buku2 yang telah sedia di-tuliskan.⁽²⁾ Dan yang lebeh mustahak sekali ia-lah pertemuan2 penulis dengan Date² Undang, Lembaga, Buapak2,erang2 biasa dari berbagai-bagai jenis penghidupan, ahli2 politik, ahli2 ugama, dan pegawai2 tadbiran yang termasek

2 Lihat sumber-pembachaan.

ketua2 kampung, penghulu2 mukim, kerani2 di-pejabat-tanah, pegawai2 jajahan, dan juga Pemangku Menteri Besar.

D. BERTERIMA-KASEH

Penulis mengambil kesempatan menguchapkan rasa terhutang budi kapada semua orang2 yang penulis temui yang telah memberikan segala kesudian-nya bagi menjawab pertanyaan2 penulis dan juga memberikan bahan2. Nama2 mereka itu terlalu banyak hendak di-chatitkan di-sini. Akhir-nya penulis terpaksa melafazkan terima-kaseh yang tidak terhingga kapada Tuan Michael G. Swift yang telah menjadi penyuleh-jalan dan pembimbing kapada penulis, bukan sahaja daripada nasehat2-nya yang amat berharga bahkan juga daripada kuliah2 dan makalah2-nya.

Ismail. Ambia
University of Malaya
January, 1959.

Penggal IISUSUNAN - TADBIRA. Dua susunan-tadbirI. Tadbiran Negeri dan tadbiran Adat

Kalau di-bandingkan dengan negeri2 lain dalam Persekutuan Tanah Melayu ini, aturan tadbir di-Negeri Sembilan adalah berlainan dan berbedza. Di-negeri2 lain itu terdapat hanya satu aturan tadbir saja yang di-panggil tadbir-kerajaan Negeri (state-administration) tetapi di-Negeri Sembilan terdapat dua susunan-tadbir yang berjalan bersaing-saing, iaitu aturan-tadbir kerajaan negeri seperti yang terdapat juga di-negeri2 lain itu dan aturan tadbir-Adat yang khas-nya terdapat di-Negeri Sembilan saja.

Aturan-tadbir Adat ini sudah sedia wujud sabelum kedatangan orang Inggeris sejak lebeh kurang dari permulaan abad yang ketujuh belas.⁽¹⁾ Oleh itu tadbiran adat ini telah berjalan dan mentadbirkан hal2 dalam negeri2 di-Negeri Sembilan itu selama lebeh kurang dua ratus tahun sabelum British masok champor tangan pada tahun 1895.⁽²⁾

1 P.E. De Josselin De Jong: Minangkabau and Negeri Sembilan Socio-Political Structure in Indonesia, 1951, muka 121.

2 Yam Tuan Sri Menanti, Undang Johol, Undang Sungai Ujong, Undang Jelebu, Undang Rembau dan Tunku Besar Tampin telah menyatukan semua tempat2 itu di-namakan "Negeri Sembilan" lalu masok bernaung di-bawah perentah Kerajaan British dengan memohonkan sa-orang British Resident. (Buyong Adil, Sejarah Alam Melayu, Penggal V, muka 168)

II. Tadbiran Adat di-Negeri Sembilan.

Dasar aturan tadbir Adat Perpateh ini telah sedia terangkai dalam empat kerat perbilangan Adat Perpateh yang berbunyi:

Alam beraja,
Luak berundang,
Suku berlembaga,
Perut beribu-bapa.

Pada masa ini alam yang dimaksudkan oleh orang2 Negeri Sembilan itu ia-lah Negeri Sembilan dan ia mempunyai sa-orang raja yang di-panggil Yang di-Pertuan Besar atau pendek-nya Yam Tuan: negeri itu pula di-bahagikan kepada beberapa luak, luak2 besar di-Negeri Sembilan ia-lah Sungai Ujong, Jelebu, Johol.⁽³⁾ dan Rembau, tiap2 luak itu di-ketuai oleh sa-orang ketua bergelar Undang: di-samping luak2 besar itu ada pula daerah2 kechil yang lain iaitu Tampin⁽⁴⁾ di-bawah Tunku Besar Tampin dan di-Kuala Pilah⁽⁵⁾ di-bawah tadbiran Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan. Tiap2 luak itu pula terbahagi kepada beberapa suku di-ketuai oleh sa-orang ketua bergelar lembaga. Satu2 suku itu pula berpecah kepada beberapa perut dan ketua-nya di-panggil ibu-buapa atau buapak. Susunan-tadbir di atas ada-lah merupakan satu dasar am saja, tetapi dalam amalan-nya beberapa perbedaan di-dapati dan juga susunan tadbir antara satu luak dengan satu luak yang lain ada-lah mempunyai beberapa perbedaan.

3 Termasuk Inas, Gemencheh dan Ayer Kuning.

4 Mengandungi Tampin Tengah, Repah, Keru dan Tebong.

5 Mengandungi Ulu Muar, Jempul, Terachi dan Gunong Pasir.

B. Pemilehan dan kuasa Yang di-Pertuan Besar

I. Pemilehan dulu dan sekarang

Raja Melewar, Yam Tuan yang pertama bagi Negeri Sembilan yang di-lantek oleh empat Undang di-Negeri Sembilan pada tahun masehi 1773 itu, ada-lah di-ambil dari Minangkabau. Hingga Yam Tuan yang ketiga bernama Yam Tuan Lenggang (1806-1824), yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan maseh di-ambil dari Minangkabau.

Tetapi pada tahun 1824 apabila Yam Tuan Lenggang meninggal dunia, Dato' Ulu Muar (Dato' Bangkok Abd. Malek) menjadikan diri-nya penjaga bagi keluarga di-raja itu, dan satelah di-beri-nya tahu atas kemangkatan Yam Tuan Lenggang itu, maka di-jemput-nya Undang yang empat supaya menabalkan Raja Radin, anak kepada Yam Tuan yang mangkat itu dan yang maseh kecil lagi itu. Dato' Kelana Kawal Sungai Ujong membantah permintaan Dato' Ulu Muar itu, ia maseh juga berkehendakkan supaya bakal Yang di-Pertuan Besar itu di-ambil dari Minangkabau. Sementara itu Dato' Ulu Muar di-halaukan-nya keluar oleh Dato' Kelana Kawal. Pada tahun 1826, maka datang-lah bakal Yang di-Pertuan Besar bernama Raja Laboh atau Yam Tuan Sati yang di-kirimkan oleh Raja Siak. Tetapi Yam Tuan Sati ini ada-lah sa-orang yang kurang bijak, semua pehak di-lawan-nya bermusahan, hingga Dato' Kelana Kawal sendiri. Akhir-nya apabila sa-orang anak raja bernama Tengku Kechil Muda Raja

Laut sa-orang daripada orang Yam Tuan Sati, meminta bahagian daripada keuntongan main berlaga ayam daripada Dato' Kelana Kawal di Sri Menanti, maka berakhirlah pemerentahan Yam Tuan Sati dan juga Raja dari Minangkabau. Dengan marah-nya Dato' Kelana Kawal memutuskan bahawa tamat-lah perhubungan⁽⁶⁾

" Bertali ka-Siak "

" Bertuan ka-Minangkabau ".

Selepas itu di-beri tahu oleh Dato' Kelana Kawal akan Dato' Bongkok Ulu Muar yang di-halau-nya dahulu supaya menyerang astana Yam Tuan Sati. Satelah Yam Tuan Lenggang itu terhalau dari Sri Menanti, maka di-angkat-lah Raja Radin menjadi Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan. Dari sejak itu pusaka Yang di-Pertuan Besar berturun-temurun-lah dari ayah kepada anak dan tidak lagi di-ambil dari Minangkabau.

Pada masa ini aturan bagi melantek Yang di-Pertuan Besar itu ada-lah saperti berikut.⁽⁷⁾

- 1) Yang di-Pertuan Besar itu ada-lah sa-orang yang di-lantek oleh Undang2 luak2 Sungai Ujong, Jelebu, Johol dan Rembau

6 Journal of the Royal Asiatic Society, Straits Branch, No.83,
muka⁹ 136.

7 Undang2 Tuboh Kerajaan Negeri Sembilan, Bahagian yang Pertama,
1948.

mengikut aturan yang di-sebutkan di-bawah ini dan mengikut aturan Adat negeri.

2) Sa-sa-orang itu tidak boleh di-lantek menjadi Yang di-Pertuan Besar, melainkan ia sa-orang laki2 bangsa Melayu, berfikiran waras, dan memeluk ugama Islam, dan ia mesti-lah keturunan sabelah pehak laki2 kapada Raja Radin ibni Raja Lenggang.

3) Atas kemangkatan yang di-Pertuan Besar itu dengan meninggalkan beberapa orang laki2, maka Undang luak2 Sungai Ujong, Jelebu, Johol dan Rembau, atau dengan saberapa ramai mereka yang maseh hidup pada masa kemangkatan Yang Di-Pertuan Besar itu, hendaklah memileh sa-orang bakal daripada anak laki2 itu.

Melainkan, sakira-nya, pada pemikiran Dato'2 Undang itu, tidak ada sa-orang pun yang layak di-antara anak2 Yang di-Pertuan Besar itu, maka sa-orang bakal hendak-lah di-pileh daripada chalun2 dalam kumpulan yang pertama mengikut susunan di-bawah ini, dan sakira-nya pada pendapat Dato'2 Undang itu tidak ada yang layak dalam kumpulan itu, maka hendaklah mereka memileh daripada chalun2 dalam kumpulan yang kedua dan saterus-nya mengikut susunan di-bawah ini:

Pertama: Abang atau adek kapada Yang di-Pertuan Besar yang mangkat itu.

Kedua: Bapa-saudara sabelah laki2 kapada Yang di-Pertuan Besar yang mangkat itu.

Ketiga: Chuchu laki2 kapada Yang di-Pertuan Besar yang mangkat itu.

Keempat: Anak laki2 kapada abang atau adek Yang di-Pertuan Besar yang mangkat itu.

Kelima: Anak laki2 kapada bapa-saudara sabelah laki2 Yang di-Pertuan Besar yang mangkat itu.

II. Kuasa dulu dan sekarang

Apabila Raja Melewar di-tabalkan menjadi Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, beliau tidak di-beri apa2 kuasa tadbiran:

" Ada pun Raja itu tiada mempunyai negeri dan tiada boleh menchukai kharajat, melainkan berkadilan sahaja serta permakanan-nya duit sa-suku, beras dua gantang, nior sa-tali "⁽⁸⁾

" Kuasa tadbiran luak2 itu ada-lah di-dalam tangan Datok2 Undang atau Penghulu, dan Yam Tuan itu hanya-lah sebagai nama sahaja menjadi sa-orang raja "⁽⁸⁾

Yang di-Pertuan itu juga tidak di-benarkan memungut hasil negeri dan perbelanjaan-nya, ada-lah di-tanggong bersama oleh

8 D.F.A. Hervey: Rembau - Journal of the Royal Asiatic Society, Straits Branch, XIII.

penduduk2 empat luak yang melantek-nya itu: tiap2 rumah memberi sa-gantang padi pada sa-tahun, dua buah kelapa dan sa-suku ($13\frac{1}{2}$ £): dan pada masa kematian, perkahwinan atau istiadat berkhatam dalam keluarga di-raja itu, maka tiap2 penghulu itu pula menghantarkan tiga ekor kerbau dan sadikit wang (barangkali bagi pergunaan pegawai2 yang bekerja dalam istiadat atau kenduri itu): selain itu pula Yang di-Pertuan Besar itu juga mendapat hadiah2 daripada barang2 yang ganjil dan istimewa saperti batu-geliga, barang2 sakti, gading2 kerbau yang rupa ganjil dan termasok~~kan~~ juga anak2 daripada ibu yang tidak berkahwin.⁽⁸⁾

Tetapi memandang kapada keadaan pada masa itu, dalam masa satu2 aturan dan tadbiran negeri yang belum chukup tersusun untuk mendapatkan hadiah2 dan bayaran2 yang di-kenakan kapada penduduk2 itu, apalagi melalui tangan Dato'2 Undang, tentulah satu perkara yang sulit juga kapada Yang di-Pertuan Besar itu. Oleh itu hanya berharapkan kapada puncha bayaran2 ini tentu-lah tidak chukup bagi Yam Tuan itu bagi perbelanjaan-nya.

" Memandang kapada puncha pendapatan Yam Tuan itu, nyata-lah bahawa pendapatan-nya itu tidak akan menchukupi."⁽⁹⁾

8 D.F. Hervey: Rembau - Journal of the Royal Asiatic Society, Straits Branch, XIII.

Bagaimana-kah Yang di-Pertuan itu mendapat perbelanjaan-nya?

" Samemang-nya ia menerima hadiah2, terutama-nya daripada chalon2 yang hendakkan gelaran dan pusaka. Dan barangkali juga ia mendapat bahagian bersama dengan Dato' Johol daripada kutipan hasil negeri itu "⁽⁹⁾

Sunggoh pun Undang yang melantek Raja Melewar menjadi Yam Tuan itu ialah Undang Sungai Ujong, Johol, Rembau dan Ulu Muar, tetapi yang baginda dapat menguatkan kuasa betul2 di-dalam-nya hanya-lah di atas Johol dan jajahan-jajahan kecil di-sabelah Ulu Muar. Ada pun di-tempat2 lain daripada yang tersebut itu tiada-lah baginda dapat berkuasa dengan sapanoh-nya. Sabelum orang2 Inggeris menyelesaikan huru-hara dan perselisihan dalam Negeri Sembilan, Yam Tuan itu hanya-lah Yam Tuan bagi Sri Menanti yang menguasai beberapa buah tempat2 kecil yang di-sebutkan di atas.

Pada tahun 1895,⁽¹⁰⁾ Yam Tuan Sri Menanti, Undang Johol, Jelebu, Rembau dan Tunku Besar Tampin telah bersetuju menyatukan

9 R.J. Wilkinson: Sri Menanti, Papers on Malay Subjects, No.2, muka 15.

10 Buyong Adil: Sejarah Alam Melayu, Penggal V, muka 168.

semua tempat2 itu di-namakan Negeri Sembilan lalu masok bernaong di-bawah perentah kerajaan British dengan memohonkan sa-orang British Resident bagi mengatorkan pemerentah dalam negeri itu. Dalam surat perjanjian yang di-buat dalam 1895⁽¹⁰⁾ itu, Yam Tuan Sri Menanti dan Undang Johol telah menurunkan tanda tangan jua bagi pehak luak2 kechil yang bernama Ulu Muar, Terachi, Jempol, Gunong Pasir, Inas dan Gemenchih. Pada tahun 1898⁽¹⁰⁾ Undang Besar yang empat, Sungai Ujong, Jelebu, Johol dan Rembau mengangkat Yam Tuan Muhammad, Yam Tuan Sri Menanti itu menjadi Yang di-Pertuan Besar bagi seluroh Negeri Sembilan.

Pada hari ini kuasa dan kedudukan Yang di-Pertuan Besar itu serupa-lah dengan Sultan2 di-negeri asing, sunggoh pun dalam hal tadbiran Adat dalam satu2 luak itu, beliau tidak di-benarkan masok champur. Di-sini maka di-petik daripada Undang2 Tuboh Negeri Sembilan⁽¹¹⁾ berhubong dengan kuasa tadbiran-nya bagi seluroh negeri itu.

Kuasa Memerentah

Menjalankan Kuasa
memerentah.

12. Dengan sharat mengikut fasal 62 dan bab 81 di-dalam perlembagaan Persekutuan, maka kuasa memerentah negeri ini hendaklah di-jalankan oleh Yang Maha Mulia sama

10 Buyong Adil: Sejarah Alam Melayu, Penggal V, muka 168.

11 Undang2 Tuboh Negeri Sembilan, Bahagian yang pertama, 1948.

ada dengan sendiri-nya atau menerusi pegawai kerajaan negeri ini tetapi tiada-lah apa2 di-dalam ini yang menghalangi Majlis Meshuarat Negeri daripada meletakkan tanggongan mereka2 yang berkuasa rendah di-bawah-nya dalam negeri ini.

Pekerjaan memerentah di-jalankan atas nama Yang Maha Mulia.

13. Segala perkerjaan memerentah di-jalankan oleh kerajaan negeri ini hendak-lah di-nyatakan yang pekerjaan itu di-jalankan dengan nama Yang Maha Mulia.

Lantekan Menteri Besar.

14. (1) Yang Maha Mulia hendak-lah melantek dengan surat perentah yang di-tanda tangani-nya dan di-chap dengan mohor kerajaan sa-orang Menteri Besar yang akan jadi ketua pentadbir dan pegawai pemerentah (Executive) yang kanan sekali di-dalam negeri ini.

Lantekan Setia Usaha Kerajaan.

15. (1) Yang Maha Mulia hendak-lah melantek dengan surat perentah yang di-tanda tangani-nya dan di-chap dengan mohor kerajaan sa-orang Setia Usaha Kerajaan yang akan jadi pegawai yang kanan sekali bagi menjalankan segala perkara2 pentadbir.

Lantekan Pegawai Wang Negeri.

16. Yang Maha Mulia hendak-lah melantek dengan mengistiharkan di-dalam warta kerajaan sa-orang pegawai wang Negeri menjadi pegawai yang kanan sekali pada mentadbirkan perkara2 yang berkenaan wang Negeri.

Dari perlembagaan Undang2 Tuboh Negeri itu, maka nyata-lah bahawa Yang di-Pertuan Besar itu bukan lagi sebagai ketua atau kepala bagi Dato'2 Undang tersebut, tetapi ada-lah Raja atau pemerentah yang

sabener menjalankan pemerentahan dan tadbiran Negeri. Mungkin beliau tidak menjalankan kerja tadbiran itu dengan diri-nya sendiri, tetapi kuasa-nya sebagai sa-orang pemerentah memang ada termaktub.

C. Pemilehan dan kuasa Undang

I. Teori Umum

Chara penyandangan pusaka Undang adalah berlainan daripada penyandangan pusaka Yang di-Pertuan Besar. Jabatan Yang di-Pertuan Besar ada-lah berketurunan daripada ayah kepada anak dalam sa-rumpun keluarga yang tertentu, tetapi pusaka Undang ini adalah di-sandang dengan chara bergilir-gilir dalam satu suku. Daripada berbagai-bagai suku dalam satu luak itu chuma satu jenis suku saja⁽¹²⁾ yang berhak kapada Pusaka Undang, iaitu suku Biduanda. Mengikut Parr & Mackray, suku Biduanda ini adalah wujud daripada perkahwinan antara perempuan2 Jakun dan orang2 laki2 yang datang dari Sumatra itu.⁽¹³⁾ Dan suku Biduanda pula berpechah kapada beberapa pechahan: dalam beberapa pechahan itu mungkin satu pechahan saja yang berhak kapada pusaka Undang itu.

12 Dalam Luak yang Empat - Sungai Ujong, Jelebu, Johol, Rembau. Di-Naning Suku Sri Melenggang.

13 Journal of the Royal Asiatic Society, Straits Branch, Rembau, No.56. (Parr & Mackray)

Di-Jelebu suku Biduanda warisnya terbahagi kepada lima pechahan atau boleh juga di-katakan kepada lima suku: dua daripadanya⁽¹⁴⁾ bernama waris salsilah atau waris negeri dan kedua waris ini tidak berhak menuntut pusaka Undang, tetapi sabalek-nya pula Dato'2 lembaga daripada dua suku ini⁽¹⁵⁾ ada-lah mempunyai kuasa yang besar bagi memileh, melantek dan juga mengesahkan satu2 lantekan undang itu: dan pusaka Undang Jelebu itu ada-lah bergilir-gilir dalam suku2⁽¹⁶⁾ yang tiga lagi itu. Di-Johol agak lebeh kusut susunan Waris Biduanda ini, tetapi dalam garisan besar-nya Waris Biduanda-nya boleh-lah di-bahagikan kepada dua jenis - waris negeri dan waris Berundang: waris negeri-nya di-ketuai oleh Dato' Jenang⁽¹⁷⁾ dan Waris Berundangnya pula terbahagi kepada dua pechahan - perut Johol dan perut Gemenchih dan pusaka Undang itu bergilir-gilir antara dua pechahan perut ini. Di-Sungai Ujong susunan suku waris-nya ada-lah lebeh kusut, dalam garisan besar-nya terdapat tiga kumpulan waris iaitu Waris Di-Darat, Waris Di-Ayer dan Waris Rantau: Undang Sungai Ujong termasok dalam kumpulan Waris-Di-Darat: Waris Di-Darat ini terbahagi kepada dua pechahan iaitu Waris Kelana dan Waris Pantai dan

14 Juga kadang2 di-panggil Waris Asli atau Waris Negeri.

15 a) Dato' Mentri; b) Dato' Ombi.

16 a) Waris Ulu Jelebu; b) Waris Sarin; c) Waris Kemin.

17 Mengikut Penerangan Dato' Jenang.

Pusaka Undang itu terkhas kepada Waris Kelana yang berpechah kapada dua perut - Hulu dan Hilir di-sandang dengan chara bergilir-gilir. Di-Rembau susunan waris Biduanda-nya lebeh kemas: di-Luak ini terdapat dua pechahan perut Biduanda - perut Jakun dan perut Jawa - dan kedua-dua-nya perut ini berhak menyandang pusaka Undang itu dengan chara bergilir-gilir.

Daripada beberapa perbedaan yang terdapat dalam susunan suku Biduanda dalam luak2 yang tersebut maka ada beberapa perkara yang boleh di-perhatikan.

1. Di-Jelebu dan di-Johol terdapat dua jenis waris Biduanda - iaitu waris negeri dan waris berundang. Waris negeri ini, khas-nya di-Johol⁽¹⁷⁾ ada-lah waris yang asal sekali dalam luak itu sementara waris berundang itu ada-lah orang mendatang. Oleh kerana permuafakatan (pada pendapat Penulis kerana kebijaksanaan orang yang datang itu), maka waris yang datang itu di-angkat menjadi ketua bagi semua orang2 dalam luak itu. Pada masa dulu peraturan ini berjalan dengan baiknya, tetapi sekarang oleh kerana kechendrongan mengambil kuasa terutama-nya di-lakukan oleh pehak Undang ka atas waris negeri itu, maka beberapa perselisihan antara Undang dan waris2 negeri ini telah timbul terutama-nya di-Johol dan di-Jelebu. Hal ini

17 Mengikut Penerangan Dato' Jenang.

akan di-cheritakan lebeh lanjut lagi kemudian.

2. Di-Sungai Ujong susunan suku waris-nya ada-lah lebeh kusut dan pernah menimbulkan perselisihan terutama-nya antara Waris Di-Darat dan Waris Di-Ayer.⁽¹⁸⁾ Waris Di-Darat mempunyai sa-orang ketua bernama Dato' Kelana dan Waris Di-Ayer sa-orang ketua-nya pula bernama Dato Bandar dan pada satu ketika dulu kedua-dua Dato' ini mempunyai kuasa sa-olah2 sama. Tetapi sekarang dengan pengaruh pehak kerajaan samaada dengan sechara langsung atau sachara tidak langsung maka kuasa masing2 telah di-tentukan dan oleh itu lenyap-lah pergaduhan tentang hal berebutan kuasa ini.

3. Di-Rembau susunan suku Biduanda Waris-nya ada-lah lebeh kemas. Ia hanya mempunyai dua pechahan Biduanda Waris dan kedua-dua-nya berhak kapada pusaka Undang, oleh itu tidak timbul-lah apa2 perselisihan tentang hal berebutkan kuasa ini dalam pechahan2 suku Biduanda itu.

II. Pemilehan Undang Jelebu

Di-bawah ini akan di-cheritakan satu chontoh perlantekan sa-orang Undang iaitu Undang Jelebu Dato' Shammaruddin bin Haji Abdul Rahman⁽¹⁹⁾,

18 J.M. Gullick: Indigenous Political System of Western Malay States, 1958, muka 76.

19 Daripada naskah J.M. Gullick di-Pejabat Menteri Besar, Seremban.

Susunan perlumbagaan Jelebu mengandungi Undang dan Orang Delapan saperti berikut:

Dato' Raja Bakong	Tua ⁽²⁰⁾	bagi Waris Ulu Jelebu
Dato' Maharaja Inda	"	" " Kemin
Dato' Paduka	"	" " Sarin
Dato' Cmbi	"	" " Salsilah
Dato' ^{Mentri} Ghinehang	"	" " Salsilah
Dato' Chinchang	"	suku Tanah Datar
Dato' Senara	"	" Batu Hampar
Dato' Mengiang	"	" Mungkal

Pusaka Undang terkhas kepada tiga Waris Berundang, Waris Ulu Jelebu, Waris Kemin dan Waris Sarin dengan chara bergilir-gilir.

Pada 11 August, 1945, Dato' Abdullah, Undang Jelebu yang telah memerentah salama lebeh daripada 40 tahun itu meninggal dunia. Mengikut aturan Adat-nya, Dato' Mentri dari Waris Salsilah menggantikan tempat Undang sahingga satu Undang yang lain di-lantek. Sabagai yang telah di-nyatakan Undang itu di-lantek daripada tiga kumpulan waris berundang itu mengikut pusingan saperti berikut:

Waris Ulu Jelebu
Waris Sarin
Waris Kemin

Oleh kerana Undang yang meninggal itu ada-lah sa-orang daripada Waris Sarin, maka Undang yang akan menggantikan hendaklah sa-orang daripada Waris Kemin.

Kuasa lantekan itu ada-lah terletak di-bawah tangan Lembaga Delapan Orang yang tersebut di-atas, tetapi sabelum itu chalon² yang layak hendak-lah di-kemukakan dan di-sampaikan kapada mereka. Untuk ini Dato' Mentri⁽²¹⁾ melalui Dato' Ombi⁽²¹⁾ memerintahkan waris² yang berkenaan memberikan nama² chalon²-nya. Dalam hal ini Dato' Majinda, sebagai ketua Waris Kemin ada-lah bertanggong jawab menguruskan-nya. Waris Kemin itu pula terbahagi kepada tiga perut:

Perut Triang,

Perut Kemin,

Perut Bemban.

Dan dalam hal ini ibu-buapak tiap2 satu perut itu berbichara dengan orang²-nya dan mengemukakan nama². Salepas itu Dato' Majinda mengemukakan nama² chalon kapada dua ketua waris berundang yang lain itu bagi pemikiran-nya iaitu Dato' Raja Balang ketua bagi Waris Ulu Jelebu dan Dato' Paduka ketua bagi waris Sarin. Hingga tingkat ini pemilehan itu hanya maseh di-dalam tangan waris berundang.

21 Ketua Waris Salsilah.

Salepas itu nama2 chalon di-serahkan kepada Dato' Ombi, bagi menengokkan ada-kah chalon2 itu layak serta sah menerima pusaka Undang itu mengikut aturan2 mempusakai satu2 gelaran. Sasudah itu pula Dato' Mentri membuat pemereksaan-nya sama ada chalon2 itu mahir dalam hal istiadat supaya dapat ia menjalankan kerja2-nya sebagai Undang. Dan salepas itu Dato' Mentri membawa nama2 chalon itu kapada Orang Delapan untuk di-pileh siapa yang sunggoh layak, tetapi malangnya dalam pemilehan Undang ini, beberapa hari sabelum meshuarat Orang Delapan ini hendak di-adakan, Dato' Mentri di-tangkap atas tuduhan yang berat iaitu bersebahat dengan Jepun. Memandang dari segi Adat, bahawa Dato' Mentri itu-lah yang memeriksa kelayakan chalon2 itu dan yang membawa nama2 chalon kapada Orang Delapan, dan juga dalam perlantekan itu kebulatan Orang Delapan⁽²²⁾ mesti di-dapati, maka penangkapan-nya itu ada-lah menimbulkan satu kesulitan besar. Akhir-nya, tujuh ahli2 Orang Delapan yang tinggal itu bersetuju supaya Dato' Ombi menjalankan kerja2 Dato' Menteri.

Pemilehan itu di-adakan. Aturan-nya ada-lah dengan chara sulit. Nama2 chalon di-tulis di-atas sakeping kertas, dan Dato'2 itu menunjukkan dengan jari-nya nama yang di-setujui. Nama2 yang di-persetujui-nya itu tidak boleh di-sebut dengan kuat. Ada-lah aneh

22 Dato' Mentri ada-lah sa-orang daripada Orang Delapan.

juga memikirkan-nya bahawa dengan sekejap saja "kebulakhan" kapada sa-orang chalon di-dapati, dan ini adalah menunjukkan bahawa satu perbinchanan sachara tidak resmi antara mereka sudah di-adakan.

Pada 30 October 1945, chalon yang berjaya itu, Dato' Shamaruddin bin Haji Abd. Rahman di-umumkan serta di-lantek dengan resmi-nya dengan di-hadhiri oleh Senior Civil Affairs Officer Negara Sembilan & Malacca⁽²³⁾ bagi mengambil tempat British Resident dalam tadbiran biasa.

III. Kuasa Undang

Mengenai batasan kuasa Undang dengan kuasa Yang di-Pertuan Besar, Perbilangan Adat di-Rembau berkata⁽²⁴⁾

Raja berdaulat, bergelanggang, berkhalifah, menitah daripada astananya; pusaka Undang berkhalifah, berteromba, berlembaga, bersabda di-balai. Alam beraja luak berpenghulu.

Dan perbedaan antara kuasa Undang dengan kuasa Lembaga pula, perbilangan Adat di-Rembau berkata

Pusaka Undang berkelatasan, pusaka lembaga bersekat.

Perbilangan di atas ada-lah menunjukkan kawasan lingkongan pemerintahan Undang itu. Kuasa Undang itu tidak melebahi kawasan dalam luak-nya itu, dan sunggoh pun kuasa-nya "berkelantas" dalam

23 Semasa itu di-bawah tadbiran British Military Administration.

24 D.F.A. Hervey: Rembau - Journal of the Royal Asiatic Society, Straits Branch, XIII.

luak berbandingan dengan kuasa lembaga2, tetapi perlembagaan Adat tidak membenarkan ia menjadi "kuku-besi", dengan sekatan2 yang ditentu-kan. Kata perbilangan:

Adat yang berjanjang naik, bertangga turun.

Satu2 hal dalam suku itu mesti-lah di-bawa kapada pengatahan lembaga-nya dulu sabelum di-panjangkan kapada Undang. Dan juga Undang itu ada-lah hasil lantekan daripada lembaga2-nya dan juga satu2 keputusan mengenai tadbiran dalam luak itu mesti-lah mendapat persetujuan lembaga2-nya. Sunggoh pun bagitu kadang2 Undang itu mempunyai kekuatan pribadi yang luar-biasa, dengan ini dapat-lah ia menggunakan pengaroh-nya atas luak itu, dan kebetulan-nya pada hari ini kuasa2 lembaga dalam luak itu ada-lah samakin merusut dan pengaroh Undang dalam segala-gala hal samakin kuat.

Dalam perhatian Penulis di-Rembau, Undang itu mempunyai pengaroh yang besar dalam luak-nya walau dalam lingkongan kuasa Dato'2 Lembaga itu sendiri. Umpama-nya dalam pemilehan sa-orang Lembaga atau Buapak. Pemilehan Lembaga atau Buapak ada-lah urusan satu2 suku itu, tetapi pada hari ini oleh kerana Lembaga2 dan Buapak itu sendiri tiada dapat menyelesaikan perkara itu maka kerap kali Undang terpaksa champur tangan.⁽²⁵⁾ Dalam hal ini tidak-lah boleh

25 Sunggoh pun kalau tidak dapat "kebulatan" pemilehan itu di-serahkan kepada Undang, tetapi masa ini sa-olah2 sudah menjadi kebiasaan tiap2 pemilehan itu di-serahkan pada Undang.

di-tudoh Undang itu chuba hendak mengambil kuasa Date²⁶2 Lembaga dan Buapak2 itu , sa-sunggoh-nya Date²⁶2 Lembaga itu dan Buapak2 itu-lah yang menyerahkan perkara itu kepada Undang untuk di-selesaikan . Undang itu lebeh berpengaroh lagi dalam hal yang berhubung dengan terus dengan-nya terutama-nya dalam hal yang bersangkut dengan kerajaan . Umpama-nya dalam pemilehan sa-orang Kadhi , guru ugama pada sekolah2 kerajaan , inspector2 zakat dan juga alim2 yang mengajar di-kampong²⁶2 , maka Undang itu dengan sechara tidak resmi ada-lah amat berpengaroh chakap-nya , sebab ia sendiri ada-lah mempunyai kuasa yang kuat malahan "kuasa-habis" bagi menentukan siapa2 yang boleh berkhidmat dalam luak-nya . Oleh demikian ada-lah menjadi kebiasaan bahawa kalau ada satu2 daripada jawatan2 di atas itu kosong , maka sebok-lah chalon2 yang meminta jawatan2 itu pergi ka-rumah Undang atau melalui orang2 yang berapatan dengan Undang supaya ia di-beri timbangan yang istemewa dalam jawatan2 yang kosong itu .

26 Alim2 yang hendak mengajar di-kampong2 di-Rembau hendak-lah mendapat surat2 "tauliah" daripada Undang .

Selain daripada itu Undang itu ada-lah mempunyai kuasa atau pengaroh yang istimewa bagi menentukan pegawai2 kerajaan yang lain saperti pegawai2 daerah , pegawai2 polis , keroni2 , guru2 sekolah dan lain2 , untuk berkhidmat dalam luak-nya itu .

D. Pergaduhan antara Undang dan Date'2 Lembaga serta Buapak2 di-Jelebu²⁷ dan di-Johel²⁸

I. Di-Jelebu :

Lebih kurang enam bulan yang lepas satu perselisihan telah berlaku di-Jelbu antara Dato'2 Lembaga dan Undang . Penulis telah pergi sendiri ke-Jelebu menyiasat tentang hal ini dan di-sini akan di-cheritakan satu pertemuan dengan salah seorang Orang Orang Delapan iaitu Date' Ombi . Mengikut kata-nya asal perselisihan itu ia-lah berpuncanya daripada pungutan zakat-fitrah .

Pada suatu hari Undang Jelebu telah menyatakan kapada Date' Ombi , saeronang pegawai kanan Undang, bahawa Jabatan Ugama Negeri

27 Di-Jelebu : Pergaduhan antara Undang dengan Orang Delapan .

28 Di-Johel : Pergaduhan antara Undang dan Date' Baginda Tan Nas di-satu pihak dengan Date' Jenang dan Buapak Enam di-satu pihak lagi .

telah mengambil keputusan bahawa Zakat-Fitrah di-Jelebu hendak-lah di-pungut mengikut chara yang di-tetapkan oleh Jabatan Ugama iaitu zakat-fitrah akan di-kutip melalui "amil" dan semua hal yang berkaitan dengan zakat-fitrah ada-lah urusan pejabat Ugama. Undang saterusnya meminta supaya perkara itu di-nyatakan kepada Dato'2 Lembaga yang lain supaya di-hebahkan kepada anak2 buah semua. Dato' Ombi kemudian menjawab bahawa aturan yang di-buat oleh Pejabat Ugama itu ada-lah aturan baru dan ada-lah bersangkut paut dengan Adat di-Jelebu oleh itu hendak-lah di-adakan perbinchangan dulu dengan Dato'2 Lembaga yang lain. Mendengar jawapan Dato' Ombi, Undang Jelebu serta merta menjadi marah dan telah mengeluarkan kata2 yang kurang manis dan bersopan saperti⁽²⁹⁾ "Di-Jelebu tidak ^{ada} adat lagi, Jelebu masti pakai hukum shara', Adat itu semua adat keluang", dan pernah juga ia berkata, "Bukan Lembaga yang buat kami, tapi kerajaan yang buat"

Pada 27.5.58, satu Meshuarat Orang Delapan telah di-adakan untuk membinchangkan hal di atas di-Mesjid Keramat Kuala Dulang dan dalam meshuarat itu Dato' Undang tidak menghadirkan diri-nya dan juga tidak memberikan sebab2 mengapa ia tidak hadhir itu.

Beberapa kesalahan yang telah di-lakukan oleh Undang telah di-binchangkan oleh Orang Delapan dalam meshuarat itu dan salah satu

29 Dari penerangan Dato' Ombi sendiri.

kesalahan yang boleh membawa pemecatan ka-atas diri sa-sa-orang ketua dalam aturan Adat itu ia-lah:

" Di-suroh ta' pergi, di-panggil ta' datang "

Selain daripada itu Dato' Undang telah memanggil Buapak2 kapada satu Meshuarat dengan tidak memberi tahu Dato'2 Lembaga terlebeh dahulu dan ini melanggar tata-tertib Adat :

" Berjenjang naik, bertangga turun "

Aturan pemecatan sa-sa-orang ketua dalam Adat Jelebu, perbilangan-nya berkata:

" Ganti hidup berkerelaan,
 Ganti mati berkebulatan;
 Kebulatan anak buah membuat
 atau memechat Buapak,
 Buapak bulat, waris-nya rapat,
 membuat atau memechat Tua;
 Kebulatan tua, boleh membuat
 atau memechat Undang,
 Undang bulat, Lembaga rapat,
 Waris sedia, membuat atau memechat Raja.

Maka dalam meshuarat itu mengikut kata Dato' Ombi semua orang Delapan telah berkebulatan memechat Undang, serta bersumpah dan

menurunkan tanda-tangan masing2 .

Salepas itu pula keputusan Meshuarat di-hantar kepada pehak kerajaan iaitu kapada Menteri Besar . Sementara itu pula , mengikut kata Dato' Ombi , dengan pengaroh kerjaan dan juga pengaroh Undang , maka lima orang daripada Dato'2 Orang Delapan³⁰ rujok kapada Undang . Selain daripada itu juga pegawai jajahan Jelebu ada-lah menyebelahi pehak Undang dengan menyuroh semua Dato'2 Lembaga itu rujok kapada Undang . Dengan perujukan lima orang Lembaga itu , maka menang-lah pehak Undang daripada segi Adat yang mengatakan kalau tidak dengan "kebulatan" pemecahan Undang itu ada-lah tidak sah . Tetapi orang2 kuat dalam Orang Delapan itu iaitu Dato' Mentri dan Dato' Ombi tetap juga berpegang kuat kapada keputusan Meshuarat yang telah memecahkan Undang dulu dan semua anak2 buah-nya , dan juga anak2 buah dari suku lain³¹ ada-lah menyekong pehak keputusan memecahkan Undang itu . Sabaleknya pula pehak kerajaan iaitu pehak Menteri Besar tetap juga menganggap bahawa Undang Jelebu tidak terpechat dan maseh juga memandang bahawa pemecahan itu tidak sah .

³⁰ Yang rujok- Dato' Raja Balang , Dato' Maharaja Inda , Dato' Paduka , Dato' Chinchang , Dato' Mengiang .

³¹ Mengikut penerangan Dato' Ombi , anak2 buah Dato'2 yang rujok itu sendiri tidak bersetuju Dato'2-nya pergi rujok kapada Undang dan mereka telah memecahkan pula Dato'2-nya yang rujok itu .

II. Perselisihan di-Johol

Perselisihan di-Johol ada-lah lebeh kusut keadaan-nya daripada yang terdapat di-Jelebu dan ini ada-lah di-sebabkan bahawa susunan tadbiran Adat di-Johol itu sendiri ada-lah kusut.

Penulis telah menemui tiga orang yang bersangkutan dalam perselisihan ini iaitu Undang Johol sendiri, Dato' Baginda Tan Mas dan Dato' Jenang. Masing2 memberikan cherita2 yang berlainan. Ini-lah yang menjadikan kesusahan kapada sa-orang penyiasat dalam satu2 pertikaian Adat di-Negeri Sembilan, masing2 orang yang di-temui itu memberikan cherita2 bagi membenarkan kedudukan-nya sendiri dan cherita2 itu tidak mempunyai apa2 persamaan antara satu dengan lain. Pergادuhan Johol itu ia-lah antara Undang Johol dan Dato' Baginda Tan Mas di-satu pehak dan Dato' Jenang serta Buapak Enam di-satu pehak lagi.

Perlembagaan Johol ada-lah saperti berikut:⁽³²⁾

Johol mempunyai sa-orang Undang bergelar Dato' Johan Lela Perkasa Setiawan. Pegawai2 di-bawah-nya ada-lah saperti berikut:

32 Di-ambil daripada chatitan Diane Lewis dari pertemuan-nya dengan Dato' Baginda Raja Hussein.

Lembaga yang Empat: suku asal

Dato' Baginda Raja	Lembaga Suku Tiga Batu.
Dato' Raja Senara	Lembaga Suku Mungkar.
Dato' Andiko	Lembaga Sri Melenggang.
Dato' Jebalang	Lembaga Suku Jebalang (Biduanda Buah Petai).

Lembaga Biduanda Waris

Dato' Baginda Tan Mas	Bakal Undang: Buapak Enam menompang pada Biduanda Waris. Ibu-nya Dato' Baginda Tan Mas.
-----------------------	--------------------------------------------------------------------------------------------------

Buapak Enam daripada Biduanda Negeri

Dato' Paduka Bangsa	Ketua suku Kebangsa.
Dato' Nenggarang	Ketua suku Nenggarang
Dato' Sa-ibu Garang	Ketua Suku Seribu.
Dato' Sarumpun	Ketua Suku Serimpun.
Dato' Baginda Molano	Ketua Suku Baginda Molano.
Dato' Paduka Raja Lela	Ketua Suku Jelelo.

Orang Besar dalam Balai

Dato' Mentri	Daripada Suku Mentri.
Dato' Gempa	Daripada Suku Gempa.
Dato' Penglima Puteh	Daripada Suku Sri Melenggang.
Dato' Penglima Hitam	Daripada Suku Jebalang.
Dato' Jenang	Daripada Suku Jenang (Wakil Orang Darat)

Tentang kedudukan perlembagaan Johol Nathan dan Winstedt menyatakan:⁽³³⁾

" Newbold yang samemang-nya selalu tidak tepat tentang penulisan-nya mengenai Negeri Sembilan menyatakan bahawa Johol di-perentah oleh sa-orang Penghulu dan Empat suku. Suku2 itu ia-lah Biduanda, Sri Melenggang, Tiga Batu dan Mungkal."

Menurut Nathan dan Winstedt, Dato' Jenang dan Buapak Enam ada-lah lebeh berkuasa dalam perlembagaan Johol, kata-nya:

" Hingga tahun 1912, telah di-nyatakan dengan terang-nya bahawa pemilehan Dato' Baginda Tan Mas, bakal kapada Jawatan Undang, tergantong kapada To' Jenang (kepala waris Biduanda) dan juga Buapak Enam dari Suku Biduanda, dan Lembaga2 di-atas itu tidak mempunyai apa2 hak. "

Perlantekan Undang

Di-Johol Jawatan Undang ada-lah satu kenaikan pusaka daripada jawatan Dato' Baginda Tan Mas. Oleh itu dalam kematian sa-orang Undang di-Johol tidak payah-lah di-adakan satu pemilehan,

hanya upachara perlantekan dan pertabalan sahaja yang tinggal untuk dilakukan. Tetapi bagi ganti Dato' Baginda Tan Mas yang naik jadi Undang itu terpaksa di-pileh dan di-lantek dan kerja ini di-lakukan oleh Buapak Enam dan Ibu Waris. (34)

Puncha Perselisehan itu

Yang terkilan dan pehak yang tidak berpuas hati dalam perselisehan itu ia-lah Dato' Jenang dan Buapak Enam. Dalam pertemuan penulis dengan Dato' Jenang, puncha2 perselisehan itu ia-lah saperti berikut:

1. Tidak puas hati dengan tindakan Undang

Dalam masa pertabalan Undang Johol baru2 ini salah sa-orang daripada Lembaga-nya daripada Suku Sri Melenggang⁽³⁵⁾ terlambat datang kapada upachara pertabalan itu: ia sampai satelah upachara pertabalan itu telah selesai dan mengikut keterangan-nya ia terlambat datang kerana ia tiada sehat. Undang tidak perchaya alasan yang di-berikan oleh Dato' Lembaga itu, dan dengan persetujuan Lembaga2 yang lain maka Dato' Lembaga itu di-pechat. Kata Dato' Jenang ia tidak bersetuju dengan pemecatan itu dan ia memberikan bantahan-nya keras. Bagitu juga Buapak2 Enam serta anak2 buah-nya tidak bersetuju dengan perbuatan Undang memecat Dato' Lembaga itu.

34 Penerangan daripada sa-orang "informant" Diane Lewis, iaitu Dato' Baginda Raja Hussein, Lembaga Suku Tiga Batu.

35 Dato' Andiko.

2. Perlantekan Ibu Waris

Dalam perlantekan satu pusaka bergelar Ibu Waris, Undang dengan bersendirian telah membuat lantekan itu. Mengikut Dato' Jenang, Dato' Johol tidak mempunyai apa2 kuasa membuat lantekan itu, kuasa melantek Ibu Waris itu ada-lah hak Dato' Jenang serta Buapak2 yang berenam⁽³⁶⁾

3. Buapak Enam dengan Dato' Baginda Tan Mas

Ada-lah menjadi satu adat di-Johol bahawa pada malam 21 Ramathan, Buapak Enam berziarah ka-rumah Baginda Tan Mas dan pada malam itu buapak2 Enam mendapat wang daripada Dato' Baginda Tan Mas sa-banyak tidak kurang daripada \$12/= tiap2 sa-orang, yang memang telah di-sediakan oleh kerajaan pada masa ini. Wang itu di-gelar makanan Buapak. Pada malam 21 Ramathan tahun 1958 yang lepas, Buapak Enam tidak mendapat wang itu daripada Dato' Baginda Tan Mas. Dan ini sangat mendatangkan kemarahan kepada Buapak Enam.

4. Meninggalkan Buapak Enam dan Dato' Jenang

Dalam satu2 kerja adat atau satu perundingan Adat, Dato' Undang dan Dato' Baginda Tan Mas meninggalkan Dato' Jenang dan Buapak Enam dan tidak lagi menganggap bahawa Dato' Jenang itu ada-lah sa-orang

36 Nathan dan Winstedt: Papers on Malay Subjects, No.4, juga menyatakan Buapak2 yang berenam mempunyai kuasa melantek Ibu Waris.

yang mustahak sebagai mengikut perbilangan :

" Kata Adat simpulan Adat , kapada Dato' Jenang ,
Tali Adat daripada Dato' Batin ."

dan

" Dato' Jenang berkwasas penoh dalam Balai Undang "

III. Akibat2 dari pergaduhan itu

Daripada kesalahan di atas Dato' Jenang dan Buapak Enam memechat Dato' Baginda Tan Mas . Dan kebetulan-nya pula pada hari itu juga Baginda Tan Mas memechat Buapak Enam atas kesalahan ,

" Di-suruh ta' pergi dan di-panggil ta' datang " .

Di-sini timbul beberapa kesulitan . Dato' Jenang menyatakan bahawa Buapak Enam ada-lah di-bawah ketuaan-nya³⁷ , bagitu juga kata Buapak Enam yang mengaku bahawa Dato' Jenang ada-lah ketua mereka , tetapi sabalek-nya pula Dato' Baginda Tan Mas menyatakan Buapak Enam ada-lah di-bawah jagaan-nya . Dan juga Dato' Jenang dan Buapak Enam³⁸

37 Nathan dan Winstedt : Papers on Malay Subjects , No. 4 , menyatakan tiga daripada Buapak Enam - Paduka Bangsa , Menggarang dan Sa-Ibu Garang di-bawah Dato' Jenang .

38 Nathan dan Winstedt: Papers on Malay Subjects , No.4 , menyatakan juga bahawa Dato' Jenang dan Buapak Enam mempunyai kuasa melantek Dato' Baginda Tan Mas .

menyatakan bahawa mereka mempunyai kuasa melantek dan memechat Dato' Baginda Tan Mas sementara Dato' Baginda Tan Mas⁽³⁹⁾ pula menyatakan ia mempunyai kuasa melantek dan memechat Buapak yang Enam.

Berhubung dengan Dato' Jenang dan Undang Johol pula, Dato' Jenang serta Buapak Enam⁽⁴⁰⁾ telah memechat Undang dan telah melantek Undang Baru serta juga melantek sa-orang ibu Waris yang baru. Semua-nya orang2 ini daripada Suku Nenggarang iaitu suku Dato' Jenang. Kemudian itu pula Undang Johol⁽⁴¹⁾ bersama-sama dengan lembaga2-nya telah memechat Dato' Jenang atas kesalahan,

" Durhaka kapada Adat Johol "

dan

" Di-suroh pergi di-panggil ta' datang ".

Dengan ini juga Dato' Johol telah memberhentikan pension Dato' Jenang, sunggoh pun Dato' Jenang pada masa ini maseh lagi di-akui oleh anak2 buah-nya. Dato' Jenang serta Buapak2 Enam telah menulis memberi tahu pehak kerajaan iaitu Menteri Besar Negeri Sembilan akan segala keputusan2 yang di-ambil-nya itu, tetapi pehak kerajaan maseh juga mengakui kedudukan Undang serta Dato' Baginda Tan Mas yang ada itu.

39 Dalam pertemuan penulis dengan Dato' Baginda Tan Mas, ia menunjukkan satu chontoh daripada chatitan-nya bahawa pada 30.3.57 ia telah membuat lantekan sa-orang Buapak Enam iaitu Dato' Nenggarang, Che' Mat bin Hassan.

40 Daripada satu surat Dato' Jenang dan Buapak Enam kepada Menteri Besar, Penulis dapat melihat salinan-nya daripada Undang Johol.

41 Penerangan daripada Undang Johol.

E. Beberapa Kesimpulan daripada Pertikaian2 di atas .

Di-sini penulis akan membuat satu analisa berhubung dengan pergaduhan2 di-atas . Penulis tidak akan membuat apa2 pertimbangan pihak mana yang salah dan pihak mana yang betul . Daripada pergaduhan2 di-atas beberapa simpulan boleh di-ambil tentang perhubungan antara Undang dan Lembaga2 serta pegawai2 lain dalam tadbiran Adat itu .

I. Mengambil kuasa Lembaga .

Dari saharian saharian terdapat kechederongan bagi pihak Undang hendak cuba membuat satu2 perkara dalam luak itu atau mengambil satu2 keputusan yang berhubung dengan luak-nya itu dengan chara sendirian iaitu dengan tidak membicharakan perkara2 itu terlebih dahulu dengan Lembaga2-nya dan pegawai2-nya yang lain yang bersangkutan dengan perkara2 yang timbul itu sebagai mana yang sa-patut-nya mesti di-lakukan mengikut aturan Adat , sama ada dengan sengaja maupun dengan tidak sengaja . Terdapat-lah mitral-nya di-Jelebu Undang itu

mengambil keputusan ⁿ~~nya~~ meyetujui pehak Pejabat Ugama Negeri Sembilan mengutip zakat-fitrah mengikut aturan dan chara yang di-kelulukan oleh Pejabat Ugama itu sendiri dengan tidak terlebeh dahulu membinchangkan perkara itu dengan Orang Delapan. Hal ini terdapat juga di-Johol apabila Undang Johol bersendirian melantek Ibu-Waris dengan tidak berbinchang terlebeh dahulu dengan Dato' Jenang dan Buapak Enam, dan juga apabila ia menggunakan pengaroh-nya memechat Dato' Andika (Lembaga Sri Melenggang) kerana lambat datang ka-upachara pertabalan Undang.

II. Tentangan daripada pehak lembaga dan pegawai2 lain

Apabila Undang chuba hendak mengambil kuasa lembaga2 dan pegawai2 lain-nya, maka datang-lah tentangan daripada lembaga2 dan pegawai2 lain yang bersangkutan itu, terutama-nya daripada mereka yang maseh muda, yang lebeh luas dan tinggi derjat pelajaran-nya dan pemangadangan-nya dan yang maseh chekap lagi gerak-geri-nya saperti yang terdapat di-Jelebu Dato' Ombi (sa-orang penghulu mukim) dan Dato' Menteri (sa-orang polis-pension) yang mengambil peranan penting bagi menentang perbuatan Dato' Undang yang melanggar Adat itu. Bagitu juga hal-nya di-Johol, Dato' Jenang dan Buapak Enam memberikan ^{yang} tentangan-nya dan kebetulan-nya ~~nya~~ memberikan jalan dan sokongan dari belakang, ia-lah pehak yang lebeh terpelajar saperti guru2 sekolah

yang boleh membacha buku2 sejarah dan Adat luak-nya itu.

III. Hendak menurut Adat yang sabenar-nya

Dalam keadaan demikian maka terdapat kechendrongan bahawa lembaga2 itu mengambil satu2 tindakan yang keras dan berat terhadap Undang itu saperti mengenakan hukuman pechat dan chuba hendak mengembalikan perjalanan Adat saperti yang sabenar-benar-nya terkandong dalam perkataan perbilangan supaya mendapatkan kembali kuasa yang kuat yang ada pada pehak lembaga saperti yang terdapat dalam keputusan yang di-ambil oleh meshuarat Orang Delapan samasa memechat Undang Jelebu di-Mesjid Kuala Dulang. Di-Johol tindakan yang di-ambil berupa lebeh jauh lagi. Dari tindakan2 yang di-ambil-nya, Dato' Jenang dan Buapak Delapan chuba hendak mengembalikan kuasa-nya yang telah hilang saperti menyatakan "Undang itu ia yang punya, iaitu ia yang menentukan " Pada masa dahulu mengikut cherita orang tua2 dan juga Nathan & Winstedt, Dato' Jenang itu ada-lah sa-orang yang berpengaroh sekali bagi menentukan siapakah yang menjadi Undang di-Johol saperti yang di-tegaskan oleh Dato' Jenang dan Buapak Enam beberapa kali samasa penulis menemui-nya,

" Kata Adat simpulan adat, kepada Dato' Jenang,

Tali Adat daripada Batin ".

Ada di-antara mereka yang menyatakan ,

" Kalaua, kami hendak menjadikann " Malbari" sekali pun
Undang Johol , kami ada kuasa dan suka kami".

Ada kemungkinan-nya menurut fikiran penulis dan juga dari tuduhan Dato' Baginda Tan Mas Bahawa Dato' Jenang dengan sokongan orang2-nya yang terpelajar mendapat ilham daripada tulisan Nathan & Winstedt yang menyatakan pada masa dulu Dato' Jenang dan Dato' Batin atau orang darat ada-lah tokoh2 yang berpengaroh sekali bagi menentukan siapa2 yang akan menjadi Undang dan juga Dato' Jenang ada-lah pegawai yang mustahak dalam segala urusan tadbir Adat Johol .

IV. Asal yang pertama puncha pergaduhan itu

Menurut fikiran penulis , sebab2 yang utama puncha pergaduhan itu ia-lah kerana "hal personal" , sama ada berhubong dengan tingkah laku Undang itu sendiri atau rasa iri-hati tentang kedudukan Undang yang menerima pension yang agak lumayan ^{tidak} itu , yang_{tidak} mempunyai apa2 kebolehan yang istimewa atau mempunyai satu-satu ketinggian derjat pelajaran yang tertentu atau satu2 ijazah .

Mithal-nya terdapat di-Jelebu , pehak Dato⁴² Lembaga itu merasa "kurang-senang" mendengar kata2 Dato¹ Undang yang menchemoh-chemoh kedudukan dan menyinggong kepribadian Adat itu . Sabenar-nya hal ini-lah yang mendatangkan kilanan yang besar kapda kapada Dato¹ Ombi dalam pertemuan penulis dengan beliau . Di-samping itu juga banyak orang2 ramai⁴² yang merasa duka-chita tentang beberapa buah fikiran yang di-keluarkann oleh Dato¹ Undang itu sa-umpama menasehatkan supaya ibu-bapa jangan menggalakkan anak2-nya pergi menuntut atau melanjutkan pelajaran-nya di-sekolah2 tinggi . Bagitu juga mereka gelisah kerana melihat Dato¹ Undang itu tidak mengambil perhatian berat lagi tentang perjalanan Adat dan hal anak2-buah-nya . Satelah mendengar kilanan2dan cherita2 saperti ini daripada beberapa puncha , maka mengikut timbangan penulis bahwa zakat-fitrah yang di-katakan menjadi puncha pergaduhan itu ada-lah saperti kata bidalan," sudah retak , menantikan pechah saja" .

42 Pertemuan penulis dengan Tuan Syed Abd. Rahman , Sekolah Umum , Kuala Pilah . Sa-orang daripada beberapa orang yang penulis temui , memberikan pandangan ini .

Di-Johol terdapat pula Dato' Jenang dan Orang Delapan marah yang tidak terhingga juga kapada Undang yang menchuba hendak membelakangkan mereka dalam perundingan² mengenai hal Adat dan mungkin juga di-sebabkan kerana rasa iri-hati kapada kedudukan Undang yang dulu-nya tidak-lah berbeza sangat tingkat-hidup-nya dengan mereka.⁽⁴³⁾ Tambahan lagi apabila diketahui-nya daripada cherita² orang tua dan buku oleh Nathan & Winstedt bahawa pada masa dahulu mereka ada-lah pegawai² yang mempunyai pengaroh yang kuat dalam hal urusan tadbir Johol. Dalam pemilehan Undang yang di-buat oleh Dato' Jenang dan Buapak Enam⁽⁴⁴⁾ dalam sulit yang bernama Abd. Wahab bin Jaemat ada-lah dari perut Nenggarang (suku Dato' Jenang) dan orang ini ada-lah anak buah kapada Dato' Nenggarang salah sa-orang daripada Buapak Enam. Di-sini kelihatan bagaimana Dato' Jenang dan Buapak Enam dengan sengaja menchari jalan hendak membuang Dato' Johol supaya orang-nya sendiri iaitu salah sa-orang daripada anak-buah-nya supaya dapat menjawat pusaka Undang itu.

V. Di-suroh ta' pergi di-panggil ta' datang

Dalam pemechatan sa-sa-orang pegawai itu kesalahan yang lazim di-jatohkan kapada-nya yang membawa kapada memechatan-nya itu ia-lah:

"Di-suroh ta' pergi, di-panggil ta' datang".

Kesalahan ini di-kenakan kapada pemechatan Undang Jelebu oleh Orang Delapan apabila Undang tidak hadhir kapada Meshuarat Orang Delapan yang di-adakan di-Mesjid Kuala Dulang itu. Bagitu juga kesalahan yang di-kenakan oleh Dato' Baginda Tan Mas kapada Buapak Enam di-Johol dan juga pechatan yang di-buat oleh Undang Johol terhadap Dato' Jenang . Dan bagitu juga hukuman yang di-jatohkan kepada Dato' Langsa Sulaimann oleh Undang Rembau apabila Dato' Lembaga itu di-pechat . Menurut timbangan penulis daripada peristiwa2 pemechatan itu , sebab apa Dato'2 yang di-pechat itu enggan hadhir ka-Meshuarat yang bersangkutan itu ia-lah kerana mereka tahu bahawa hal yang akan di-binchangkan dalam meshuarat itu ia-lah mengenai diri-nya sendiri .

43 Undang itu sabelum menyandang pusaka ada-lah orang kampong biasa .

44 Dari surat yang di-hantar oleh Dato' Jenang dan Buapak Enam kepada Menteri Besar . Penulis melihat salinan-nya daripada Undang Johol .

V1 . Satu tanda-tanya!

Daripada pertemuan penulis dengan Dato' Ombi di-Jelebu , Dato' Jenang di-Johol , Dato' Langsa Hj. Sulaiman di-Rembau , mereka dengan rasa kesedihan dan terharu menegaskan rasa kehairanannya mengapa pension mereka dengan serta merta di-berhentikan sa-sudah . mereka berselisihan dengan Dato' Undang . Penulis sendiri tidak menemui pehak Undang tentang hal² ini , tetapi penulis dapat membuat simpulan bahawa daripada penerangan2 Dato'2 Lembaga itu , bahawa satu tindakan bagi memberhentikan pension mereka telah di-ambil .

Dan selalu-nya dalam satu2 pergaduhan antara Undang dengan lembaga2-nya itu atau pegawai2-nya yang lain , maka akan terdapat pehak kerajaan dalam satu2 luak itu iaitu pegawai daerah dan lain2 menyebelahi pehak Undang . Menurut timbangan penulis sikap pehak kerajaan yang bagini rupa bukan-lah kerana mereka suka berbuat demikian , tetapi ada-lah di-sebabkan kedudukan Undang itu sendiri sebagai "raju" dalam luak itu . Dengan segera langsung atau dengan tidak segera langsung kedudukan Undang itu dengan sendiri-nya menjadi kuat dengan sokongan daripada pehak kerajaan ini . Umpama-nya kalau ada satu pengaduan yang di-buat oleh pehak lembaga kapada kerajaan atau satu2 keputusan yang telah di-ambil-nya berhubong dengan satutu perselisihan dengan Undang , maka pehak kerajaan iaitu pada masa ini Menteri Besar akan menyuroh pegawai daerah-nya

menyiasat hal perselisihan itu . Dan oleh kerana Undang itu mempunyai kedudukan yang istemewa dalam luak-nya itu tentu-lah sukar bagi pegawai tadi hendak bersikap saksama kapada dua belah pihak yang bersangkutan itu . Dalam hal demikian selalu-nya pihak Lembaga juga yang terhimpit . Dalam satu pergaduhan di-Rembau antara Undang dengan sa-orang Lembaga , Undang tel menurut kata Dato' Lembaga itu telah memberhentikan dan menahan pensior nya dan apabila Lembaga itu meminta keadilan daripada pegawai jajahan , pegawai jajahan itu menjawab⁴⁵

" kita berduka-chita kerana tidak dapat menchampori hal ini " .

Maka dalam hal demikian maka berpanjangan-lah pergaduhan itu dengan tidak mendapat timbangan yang saksama . Dan dalam satu2 pergaduhan bagini pihak lembaga-lah atau lain2 pegawai itu-lah yang selalu terpechat oleh kerana sokongan yang di-dapati-nya daripada pihak kerajaan sunggoh pun buapak2 dan anak2 buah dalam suku itu tidak bersetuju dengan pemecatan seperti yang terdapat dalam satu surat daripada sa-orang Buapak kepada Undang menyatakan tidak bersetuju dengan pemecatan Undang terhadap lembaga-nya , yang berbunyi⁴⁶

" anda-lah hamba Dato' Jemelana Jadi bin Sintal
Buapak suku Anak Achih Rembau dengan persetujuan

⁴⁵ No.(17) in D.O.R. 215/51 . Surat daripada "file" Dato' Langsa Haji Sulaiman , Penajis Rembau .

⁴⁶ Penulis mendapat-nya daripada "file" Dato' Langsa Haji Sulaiman Penajis , Rembau .

besar2 dan waris2 Anak Aceh bermaalomkan dengan hormat-nya iaitu dua puchok surat Undang Dato' yang di-hantar kepada hamba Dato' yang bertarikh 29 March 1952 dan 8 April 1952, dalam bilangan 14 dan 16 dalam U.R. 93-51 itu selamat hamba Dato' terima serta faham.

Dalam surat Undang Dato' pada 29 March 1952 itu Undang Dato' melantek hamba Dato' memangku jawatan Dato' Lela Wangsa bagi membicharakan tanah2 pesaka bab 215 itu, pada menjawab-nya hamba Dato' sekelian tidak bersetuju. Kita sekelian tidak dapat menerima-nya kerana sebab2 saperti berikut :-

1. Undang Dato' memechat Dato' Lela Wangsa Haji Sulaiman dan melantek hamba Dato' memangku-nya itu tidak mengikut Adat, memechah keamanan waris2 suku Anak Aceh.
2. Pechatan Dato' Lela Wangsa Haji Sulaiman itu hamba Dato' sekelian tiada mengesahkan mengikut keputusan meshuarat Suku Anak Aceh pada 9 March 1952, saperti yang telah di-maalomkan kapada Undang Dato' yang di-sebahkan kapada Dato' Perba bertarikh 1 April 1952 itu. Jika Dato'

Perba tidak pula terima sembah hamba Dato'
itu, bahawa Dato' Perba dan Undang Dato' tidak
mengikut Adat dan telah memecahkan keamanan.

Dalam beberapa puchok surat berbalasan antara Undang dan
Buapak di atas maka akhirnya Undang menulis⁽⁴⁶⁾

"..... Berkenaan Jemlana menyatakan kuasa Jemlana tidak
mengesahkan pechatan Haji Sulaiman itu terpulang-lah pada
Jemelana sendiri, Jemlana dan pengikut2 Jemlana yang sabelas
orang lagi tidak berhajat hendak melantek ganti-nya itu
termaalom kapada tuan2.

Tetapi saya di-sabdakan memberi tahu Jemlana yang
teramat mulia Undang itu dengan sukachita-nya memberi tahu
yaitu pemerentahan negeri ini ia-lah mengikut perlembagaan
maka mengikut kuasa yang ada pada Undang yang teramat mulia
Undang itu akan menjalankan dan akan melantek sa-orang Dato'
Lela Wangsa bagi lembaga suku Anak Aceh dengan saberapa
segera yang dapat di-sebahkan oleh tali pusaka.

Yang teramat Mulia suka mengingatkan kapada Jemlana
dan pengikut2-nya Jemlana yaitu dari hari ini yang teramat

46 Penulis mendapat-nya daripada "File" Dato' Langsa Haji Sulaiman,
Penajis, Rembau.

mulia bersa dukachita tidak lagi akan melayan apa2 rayuan yang berkenaan dengan perkara Haji Sulaiman , di-kechualikan perkara yang berkenaan hendak menchari ganti-nya " .

VII . Sikap pehak kerajaan .

Daripada pertemuan penulis dengan Dato' Ombi di-Jelebu , Dato' Jenang dan Buapak Enam di-Johol dan Dato' Langsa Haji Sulaiman di-Rembau , dalam pergaduhan2 saperti di-atas , kalau pehak Lembaga membuat rayuan atau pengaduan kepada pehak kerajaan niaitu pada masa ini kapada Menteri Besar supaya menimbangkan pergaduhan mereka dengan Undang itu , maka pehak kerajaan selalu-nya menasehatkan dengan Undang . mereka supaya berdamaian dan berselesaian/. Untuk mengambil perkataan Dato' Langsa sendiri di-Rembau , hal ini tentu-lah mustahil dapat di-lakuān bagi mendapatkan keadilan sebab Undang itu sendiri ada-lah salah satu pehak yang bersabit dalam pergaduhan itu dan bagaimana -kah ia hendak bersikap adil dalam perdamaian itu di-mana ia sendiri menjadi pengerusi atau pengadil-nya . Dan daripada pertemuan penulis dengan pegawai2 kerajaan yang bersangkutan dalam hal ini dan juga dari kajian surat2 kerajaan kepada Dato' Langsa Haji Sulaiman di-Rembau yang telah berselisahan dengan Undang , penulis dapat membuat timbangan

bahawa pihak kerajaan sa-boleh2-nya hendakkan perselisihan Adat itu di-selesaikan oleh pegawai2 Adat itu sendiri . Dan pihak kerajaan juga tidak akan bagitu suka mengambil langkah bagi mempersetujui pemecahan sa-sa-orang Undang itu . Sa-masa pertemuan penulis dengan pegawai2 kerajaan yang bersangkutan dengan hal ini , mereka selalu menegaskan bahawa kalau pemecahan Undang itu di-terima oleh pihak kerajaan , maka akan mlarat-lah satu penyakit pemecahan Undang pada hari ini di-Negeri Sembilan . Kalau hal saperti ini berlaku , maka akan tidak ada lain kerja orang2 dalam luak itu melainkan memecah dan menggantikan Undang lepas satu , satu lagi dengan tidak berkeputusan . Dan ini akan mengasutkan perjalanan tadbiran kerajaan dan juga akan memberatkan bebanan urusan kerajaan .

F. Pemilihan Lembaga dan Buapak ⁴⁷

I. Teori Umum

Pemilihan sa-orang Lembaga dan Buapak ada-lah juga berdasarkan kapada aturan giliran . Satu2 suku terbahagi kapada

47 Chontch ini di-ambil daripada Nemban .

beberapa perut dan pusaka lembaga itu di-sandang oleh perut2 itu dengan chara bergilir-giliran. Satu2 perut itu pula terbahagi kepada beberapa ruangan dan di-antara beberapa ruangan ini pusaka lembaga tadi bergilir-giliran lagi.⁽⁴⁸⁾ Bagitu juga hal chara-nya dengan pemilehan Buapak. Buapak ini ada-lah ketua bagi satu2 perut itu tetapi dalam satengah suku, ada juga terdapat bahawa beberapa perut dalam suku itu hanya mempunyai sa-orang buapak.

Lembaga itu di-pileh oleh ahli2 dalam suku itu mengikut perut-nya yang tertentu, dan sa-sudah itu di-sahkan oleh Undang . Ambil satu chontoh suku Sri Lemak di-Rembau. Suku ini terbahagi kepada empat perut iaitu Perut Mesjid, Perut Tengah (a), perut Tengah (b) dan Perut Bilang Keling. Kata-lah sa-orang Lembaga telah meninggal dunia dan berkehendakkan ganti-nya. Buapak bersama lain2 orang besar dalam suku itu akan mengadakan satu perjumpaan yang boleh juga di-hadiri oleh anak2-buah lain dalam suku itu di-Mesjid "asal"⁽⁴⁹⁾ Kampong Selemak, bagi menentukan giliran perut yang akan menyandang pusaka Lembaga itu. Kata-lah pusaka lembaga yang hendak di-gantikan itu jatoh ka-perut Mesjid. Dalam perut Mesjid ini terdapat tiga ruangan iaitu Ruangan Padang Balai, Ruangan Mesjid dan Ruangan Bongek. Orang-besar2 dalam perut Mesjid ini serta anak2-buah yang lain akan bermeshuarat pula bagi menetukan

48 Susunan ini tidak umum-nya terdapat di-Negeri Sembilan. Selalu-nya susunan giliran itu terdapat pada Peringkat Perut sahaja.

49 Selalu-nya perjumpaan bagini di-adakan di-Mesjid asal suku itu.

ruangan yang mana-kah berhak menyandang pusaka lembaga itu. Kata-lah Ruangan Bongek mendapat giliran-nya, salepas itu orang2 dalam Ruangan Bongek ini pula akan bermeshuarat bagi memileh siapakah yang paling layak memegang jawatan itu. Sakira-nya orang2 dalam Ruangan Bongek ini tidak mendapat persetujuan bagi menentukan sa-orang untuk jawatan itu, kerana selalu-nya terdapat dua tiga chalon, maka hal itu akan di-serahkan kepada Undang dan Undang-lah yang memileh dan memberikan kata mu'tamat. Bagitu juga hal-nya dengan pemilehan sa-orang Buapak, perbezaan-nya hanya-lah yang menganjorkan perjumpaan bagi menentukan giliran perut itu di-anjorkan oleh Lembaga dan pengesahan di-lakukan oleh Lembaga sendiri.

Dalam amalan-nya pemilehan sa-orang Lembaga atau Buapak itu bukan-lah bagitu senang sebagai yang terlukis dalam teori-nya, malahan sa-balek-nya selalu menimbulkan pergaduhan dan perselisihan yang tidak putus2. Satu perkara yang menimbulkan kerumitan yang besar ia-lah bagi menentukan giliran itu, kerana satu2 suku atau luak itu tidak mempunyai salsilah2 yang tertulis, semua-nya "main ingatan" sahaja. Di-sini akan di-berikan satu contoh kerumitan bagi menentukan hal giliran ini, yang penulis sendiri telah menyaksikan-nya.

II. Pemilehan Buapak Suku Sri Lemak

Suku Sri Lemak ini mempunyai sa-orang Buapak bergelar Dato' Juan. Sadikit hari dulu, lebeh kurang enam bulan yang lepas, Buapak-nya meninggal dunia. Pada 5.7.58, Dato' Sinda Maharaja Lembaga bagi suku ini telah mengadakan perjumpaan orang2 besar-nya serta di-hadhiri oleh ahli2 yang lain dalam suku itu, di-Mesjid Selemak bagi menentukan giliran perut untuk pusaka Buapak ini. Suku ini mempunyai empat perut dan pusingan giliran perut2 itu adalah saperti berikut:

Perut Mesjid

Perut Tengah(b)

Perut Bilang Keling

Perut Tengah(a)

Dato' Juan yang meninggal dunia itu ia-lah daripada Perut Tengah(a) dan Perut yang akan menggantikan-nya kali ini ia-lah Perut Mesjid. Satakat ini tidak ada apa2 pergaduhan, semua-nya terang, jelas dan lichin. Tetapi apabila datang kapada ruangan maka satu perselisihan besar telah timbul. Perut Mesjid ini terbahagi kapada tiga ruangan iaitu ruangan Mesjid, Padang Balai dan Bongek, dan mengikut aturan giliran-nya yang sabenar yang akan menyandang pusaka Buapak itu ia-lah ruangan Bongek, tetapi dalam meshuarat itu kedua perut Mesjid dan Padang Balai telah bermuafakat menyatakan

bahawa ruangan Bongek itu tidak ada wujud sama-sekali dan oleh demikian tidak berhak menerima pusaka Dato¹ Juan itu . Dalam Meshuarat itu sa-orang daripada ruangan Mesjid telah di-pileh menjadi Dato¹ Juan ini , sunggoh pun orang2 Besar dari ruangan Bongek tidak bersetuju dan memberikan bantahan .

Penulis telah pergi membuat siasatan dan hasil-nya di-chatitkan di-bawah ini . Dalam chatitan ini penulis akan serentak membuat timbangan dan pandangan .

Kedua ruangan Mesjid dan Padang Balai ini ada-lah dua kampong yang berdekatan (sa-berang-menyeberangi sawah) , tetapi sabalek-nya ruangan Bongek itu ada-lah sa-buah kampong yang jauh terletak-nya daripada kedua ruangan itu , lebeh kurang dua batu . Kedua ruangan Mesjid dan Padang Balai itu juga mempunyai orang2 yang terpelajar sadikit saperti mandor2 , guru2 Sekolah Melayu , guru2 Sekolah Ugama dan lain2 lagi . Dalam ruangan Mesjid itu , maka terdapat sa-orang yang agak bijak juga dari segi masharakat kampong , yang berchita-chita hendak menjadi Buapak itu . Beliau ini ia-lah sa-orang mandor jalan , dan juga mempunyai kedai makanan (tuck-shop) di-Sekolah Inggeris Rembau . Perchamporan-nya ada-lah agak luas sadikit dan beliau pandai bersahabatan dengan orang2 yang terkenal dalam luak itu , saperti pegawai jajahan , pegawai polis , guru2 Sekolah Inggeris ,

dan juga dengan Dato' Undang sendiri . Dalam masharakat kampong orang yang mempunyai pergaulan seperti ini memang sudah di-anggap sebagai sa-orang yang tinggi juga dalam kedudukan-nya dalam masharakat itu dan oleh hal demikian sudah boleh mendatangkan ketakutan dan kesegenan kepada mereka . Sabalek-nya pula orang2 dalam ruangan Bongek itu tidak mempunyai orang2 yang bagitu terpelajar seperti dalam kedua ruangan yang lain itu dan juga tidak mempunyai sa-orang tokoh seperti sa-orang yang bijakk dalam Perut Mesjid di atas . Maka dalam perjumpaan itu apabila perbahasan di-mulakan bagi menentukan ruangan yang patut menerima giliran itu , maka guru2 Melayu daripada ruangan Mesjid dan Padang Balai tadi , telah berchakap dan dalam perbahasan itu dengan senang-nya mereka boleh mengalahkan orang2 Besar dan ahli2 dari ruangan Bongek tadi yangg semua-nya ada-lah orang2 kampong biasa , kurang berchampuran dengan orang2 yang kedudukan tinggi dan di-samping itu juga kebanyakkan-nya tidak tahu membacha serta menulis dan selanjut-nya tidak tahu berchakap dengan teratur dan sechara persekolahan . Dan bagi mereka hendak menyampaikan perkara itu kepada pegawai yang lebeh tinggi , kapada Dato' Undang mithal-nya , ada-lah satu perkara yang luar daripada fikiran dan keberanian-nya , kerana berhubongan dan berhadapan dengan orang yang kedudukan tinggi ada-lah satu perkara yang luar biasa mereka lakukan .

Kebetulan^{nya} penulis ada-lah sa-orang daripada ruangan Bongek ini dan hanya-lah sa-orang daripada ruangan ini yang berpelajaran dan mengetahui selok-belok hal Adat ini , dan orang2 ruangan Bongek ini telah meminta penulis suapaya balek ka-kampong supaya menolong mereka . Satu perjumpaan telah di-minta kapada Dato⁹ Lembaga supaya mengadakan balek perbinchangan mengenai hal giliran itu . Dalam perjumpaan itu Lembaga2 Tali Pusaka⁵⁰ telah hadhir bagi menyaksikan kedudukan hal itu dan penulis apabila mengemukakan tentang kilanan orang Bongek itu telah di-tentang dengan hebat-nya oleh Dato⁹ Lembaga itu sendiri(Lembaga suku Sri Lemak) dan ini ada-lah satu perkara yang luar biasa kerana yang patut berbinchang dan berbahas dalam perjumpaan itu ia-lah ahli2 dari ruangan Mesjid dan Padang Balai di-satu sisi pehak dan ahli2 dari ruangan Bongek di-sabelah pehak lagi . Dalam meshuarat itu , Lembaga2 Tali Pusaka yang telah menjadi pengadil, tidak dapat memebri keputusan dan perkara itu telah di-bawa ka-hadapan Undang . Dalam satu perjumpaan lagi di-hadapan Undang yang bertempat

⁵⁰ Dato⁹ Nika , Dato⁹ Semaja , Dato⁹ Kanda , dan Dato⁹ Sutan , yang hadhir dalam perjumpaan itu .

di-Balai Undang , hal giliran ini di-binchangkan lagi , dengan di-pengerusikan oleh Dato' Undang Undang sendiri . Penulis telah memberikan bokti2 yang tidak dapat di-napikan bahawa ruangan Bongek itu sabenar-nya ada wujud dan berhak menerima giliran pusaka Dato' Juan yang kosong itu . Di-antara beberapa bokti yang d telah di-kemukakan dalam perjumpaan itu ada-lah saperti berikut :

Bokti yang menunjukkan bahawa orang2 Bongek itu ada-lah ada-lah terchandum kapada Suku Selemak dengan mempunyai sa-orang Juan dan ada-lah sa-bahagian daripada suku Selemak .

a) Dalam Geran perkuboran orang2 Bongek sekarang amaka di-dapati nama Duman bin Kesah , Juan bagi seluroh suku Selemak Be ini menjadi pengaku-nya atau pemegang kuasa-nya .

Ini ada-lah menunjukkan bahawa orang2 Bongek itu terchandum kapada suku Selemak dengan mempunyai sa-orang Dato' Juan , sebagai ibu-bapa-nya .

b) Dalam suku Selemak Bongek itu terdapat sa-orang Juan dan sa-lama2-nya orang2 Bongek ada-lah sa-bahagian daripada anak-buah-nya .

Satelah di-nyatakan bokti2 perhubungan orang2 Bongek itu kapada suku Sri Lemak ini , maka sekarang di-kemukakan pula bokti2 atau dalil2 yang menunjukkan Bongek itu ada-lah satu daripada ruangan Yang Tiga dalam Perut Mesjid ini .

Pusaka Orang-besar Khatib Adat dan Menteri Penghulu.

Kedua pusaka orang-besar ini ada-lah terdapat di-sandang oleh ruangan Bongek, dan kedua jawatan ini ada-lah bergilir-gilir di-pegang oleh keempat perut dalam suku ini.

Ini ada-lah menunjukkan bahawa Bongek ini telah menerima dua jawatan pusaka pada masa yang sudah dan menunjukkan dengan jelas-nya bahawa Bongek itu ada-lah satu ruangan yang telah sudah wujud, dan kalau tidak sakira-nya bagitu, ia akan tidak di-beri menyandang kedua pusaka ini.

Sa-sunggoh-nya apabila hendak memileh Khatib Haji Tahar bin Hassan dari Ruangan Bongek ini dulu, dengan di-hadhir oleh Lembaga Tali Pusaka soal Ruangan ini memang telah timbul juga. Dan dalam perundingan itu maka di-dapati keputusan-nya bahawa Perut Mesjid ini terbahagi kepada tiga ruangan iaitu Mesjid, Padang Balai dan Bongek.

Demikian-lah bokti yang menunjukkan bahawa Bongek itu ada-lah satu ruangan yang telah sedia wujud dalam Perut Mesjid serta berhak menuntut pusaka2 jawatan yang bersangkutan dalam suku ini.

Satelah di-nyatakan bahawa ruangan Bongek itu ada-lah sabenar-nya telah sedia wujud, maka berjangkit pula kapada soal

menentukan ruangan mana-kah di-antara tiga ruangan itu yang patut menerima giliran-nya. Untuk ini maka di-semak nama2 Dato' Juan yang telah memegang pusaka Jawatan Dato' Juan pada masa yang sudah2.

No.	Nama Juan2	Perut	Ruangan-nya
1.	Sudin	Mesjid	Padang Balai
2.	Haji Jaya	Tengah(b)
3.	Gencheh	Bilal Keling
4.	Haji Sait	Tengah(a)
5.	Deghani	Mesjid	Mesjid
6.	Degheh	Tengah(b)
7.	Mail	Bilal Keling
8.	Duman	Tengah(a)
9.	...?....	Mesjid?.....

Dari nama2 di atas maka di-dapati bahawa perut Mesjid telah menerima pusaka Dato' Juan ini dua kali, iaitu Juan Sudin daripada ruangan Padang Balai dan Juan Deghani daripada ruangan Mesjid dan ruangan yang satu lagi belum menerima pusaka Dato' Juan ini ia-lah ruangan 'Bongek' dan mengikut giliran-nya tentu-lah ruangan Bongek ini yang patut menerima pusaka Dato' Juan yang kosong itu.

Pehak Undang juga tidak dapat memberikan keputusan-nya pada hari itu, lebeh kurang sa-minggu kemudian, maka ia mengumumkan bahawa Pusaka Juan itu jatoh ka-ruangan Bongek.

Orang2 dalam ruangan Bongek ini telah mengadakan meshuarat di-kampong-nya bagi memilih sa-orang yang layak bagi memegang pusaka Dato' Juan itu. Dua chalon telah di-maksudkan dan ahli2 dalam ruangan itu - laki2 dan perempuan - telah mengundi dan keputusa^{nya} sabahagian besar ahli2 ruangan itu telah mengundi salah sa-orang daripada dua itu.

III. Pandangan dari beberapa segi.

Dalam satu2 jawatan pusaka yang kosong saperti di atas maka sentiasa ada pehak yang hendak merebutkan giliran itu sunggoh pun mengikut aturan-nya giliran itu tidak jatoh kapada-nya. Dan pehak yang selalu berbuat demikian ia-lah pehak yang luas pergaulan-nya

dan banyak berkenalan dengan orang2 yang terkenal dalam luak itu , yang di-anggap tinggi kedudukan-nya dalam masharakat itu . Orang2 yang lebeh cerdik dan pandai chuba hendak menggunakan kesempatan-nya ini bagi menghimpit pehak yang lemah saperti yang terdapat dalam pertikaian di atas apabila guru2 Melayu daripada pehak ruangan Mesjid dan Padang Balai menggunakan kesempatan ini bagi menghimpit orang2 kampong biasa dari ruangan Bongek dalam perbahasan . Sekira-nya satu daripada dua pehak itu lemah dan tiada upaya hendak memberi tentangan , maka pehak yang lemah itu selalu-nya akan kalah dalam pertikaian itu dan giliran-nya itu di-rebut walau sekali pun ia besar . Tetapi kalau kedua pehak itu sama kuat atau mempunyai kekuatan memberi tentangan saperti diatas , maka pertikaian itu akan berkepanjangan hingga ka-atas iaitu sampai kapada Undang , dan kalau Undang tidak mendapat memberi timbangan yang saksama akan sampai pula kapada Menteri Besar dan kadang2 pertikaian ini tidak berkeputusan . Oleh itu , menentukan giliran sama-ada bagi pemilehan Undang , Lembaga , Buapak ini kadang2 merupakan satu kerja putar-belit , rebut-merebut , tipu-menipu , bohong-berdusta , dan musoh-bermusohan dan ini-lah satu masaelah perselisihan Adat Perpateh yang tidak habis⁵¹ .

51 Hal bagini terdapat juga dalam masharakat Melayu yang lain .

IV. Perasaan Kuat kepada Adat

Penulis telah hairan juga memerhatikan bagaimana orang2 dalam kampung itu sangat mempunyai perasaan yang kuat dan erat kepada hak2-nya dalam Adat, yang di-jaga-nya dan di-tuntut-nya dengan hati yang bersunggoh-sunggoh. Penulis telah mendatangkan pertanyaan kepada orang2 dalam ruangan Bongek ini mengapa di-pergadokan sangat jawatan Buapak yang tidak mendapat apa pension dari kerajaan itu. Maka terdapat dua sebab akan hal ini. Pertama-nya dalam masharakat kampung itu, menyandang pusaka Buapak itu ada-lah satu kehormatan dan kebanggaan bagi sa-sa-orang yang menjawati-nya dan juga kepada ahli2 dalam ruangan itu. Kedua kalau ruangan itu tidak dapat menerima pusaka ini, bermaana ruangan itu tidak mempunyai hak2 dalam suku itu dan ini bermaana orang2 dalam ruangan itu sa-olah2 orang menompang dan ini ada-lah satu keaiban dan kedudukan yang rendah dalam masharakat. Umpama-nya dalam satu peristiwa dalam pertikaian itu, sa-orang guru Melayu dari ruangan Padang Balai telah membuat tuduhan bahawa orang2 Bongek itu ada-lah orang menompang dan tidak mempunyai apa2 hak menyandang apa2 pusaka dalam suku itu. Pehak laki2 dari ruangan Bongek merasa amat marah kepada Guru itu dan tidak mahu lagi bertegoran dengan-nya, tetapi yang menggelikan hati ia-lah tindakan yang di-ambil oleh kaum ibu-nya. Pada suatu pagi semua kaum ibu dalam ruangan itu berkumpul dan dengan membawa telor-busok sa-biji sa-orang telah datang

ka-sekolah tempat guru tersebut mengajar hendak melempar-nya dengan telor2 busok itu. Tetapi dengan pujokan guru2 yang lain dan satelah mengetahui guru itu mengaku kesalahan-nya, maka mereka balek ka-rumah-nya masing2. Ini ada-lah menunjukkan bagaimana kuat-nya rasa perhubungan hati orang2 kampong itu kepada hak2-nya supaya tidak di-gelar "orang menompang." Kata salah sa-orang dari pada Lembaga2 kapada penulis, kalau-lah kata yang di-keluarkan oleh guru di atas di-katakan-nya lima puloh atau enam puloh tahun dulu, alamat "nyawa-nya akan melayang".

V. Peranan Wang

Dalam pemilihan sa-orang bagi jawatan Buapak itu, wang ada-lah menjadi satu factor yang berpengaroh juga. Pertama-nya sa-sa-orang yang hendak menjadi Buapak itu hendak-lah sekali-sekali dapat memberi belanja sa-mangkok tea apabila bertemu siapa2 orang dalam ruangan itu. Membelanjakan sa-mangkok tea kapada orang2 kampong itu ada-lah satu perkara yang penting juga mendapatkan sokongan. Salain

daripada itu kalau Buapak itu orang yang berada , maka mungkin ia dapat memberikan pertolongan kalau ada siapa2 dalam kampong itu yang dalam keputusan wang mengadu kapada-nya dan dengan ini ia akan mendapat sokongan lagi daripada orang2 dalam kampong itu . Pada orang2 yang kedudukan-nya hidup-nya tidak bagitu burok , yaani tidak meminjam wang atau sabagai-nya , maka mereka akan memikirkan pula bahawa kalau sa-orang yang berkedudukan tegap dalam hal wang-nya di-jadikan Buapak maka apabila timbul satu2 perkara yang memerlukan kedatangan-nya , seperti hal jual dan beli tanah atau upachara nikah-kahwin maka ia nanti tidak berkehendakkan wang dan sabagai-nya bagi upah kedatangan-nya itu seperti yang selalu berlaku . Dan juga sa-sa-orang yang berwang itu tidak menajdi menjadi kesusahan nanti kalau ia sekali-sekala terpaksa membéri "sadikit belanja" kepada Dato' Lembaga dan mungkin juga Undang itu sendiri supaya sentiasa mendapatkan sokongan daripada mereka . Dan juga kedudukan hidup-nya yang agak tinggi dalam masharakat kampong itu tidak akan memberi malu kepada anak2 buah .

VI. Dalam pertikaian sa-umpama di-atas , maka pehak lembaga selalu-nya di-kunjungi oleh pehak2 yang berkhendakkan sokongan , kadang2 dengann menemui dan menjumpai-nya sendiri dan

kadang2 melalui sa-orang lain terutama-nya orang yang besahabatan dan berapatan atau berkenal biasa dengan Lembaga2 yang bersangkutan itu . Kadang2 mereka memberikan "sagu-hati" juga dalam rupa wang kepada Dato'2 Lembaga itu , untuk mendapatkan sokongan⁵² . Umpama-nya penulis ada-lah mengetahui dengan nyata-nya bahawa dalam ruangan Bongek , kutipan wang daripada semua rumah2 dalam kampong itu dan juga dariapada ahli2 lain dalam ruangan ini di-jalankan guna memberi belanja kapada Lembaga2 yang bersangkutan untuk mendapatkan sokongan daripada mereka . Sunggoh pun penulis sendiri telah menasehatkan mereka supaya tidak berbuat bagitu dengan memberikan keperchayaan bahawa bagaimana pun ruangan Bongek akan tetap mendapat giliran itu , tetapi kapada mereka hal saperti ini ada-lah telah menjadi kebiasaan iaitu hendakkan sokongan daripada Lembaga maka ia hendak-lah "di-beri makan" . Dan ini menepati peri-bahasa masharakat itu , "Ayam tambat di-beri makan " . Segia juga di-ingatkan bahawa "memberi makan" pehak lembaga itu , bukan-lah satu perkara yang di-pandang rendah dan aib dalam masharakat itu , malahan pehak yang "memberi makan" itu merasa tinggi pula kerana mereka dapat menunjukkan bahawa mereka ada-lah orang yang "berada" juga dan mempunyai "kehandalan" serta"kekuatan" . Dan juga "pembelia-nya" itu ada-lah dengan rasa kerelaan . Dan boleh di-anggap hal demikian sudah menjadi satu kebiasaan !

⁵² Penulis tidak mengemukakan nama2 Lembaga itu di-sini , tetapi penulis pernah menyaksikan kejadian2 bagini .

Penghujongan ISummary

This Exercise deals with the political system of Adat Perpateh in Negeri Sembilan. There is a substantial literature on this subject particularly¹ in the Journals of the Royal Asiatic Society Straits Branch and Malayan Branch and also in the Papers on Malay Subjects. But the writer feels that most of the literature are mainly concerned with the theoretical side of the system, neglecting the far more important aspect of it, namely the actual everyday running of the Adat especially at the present day. It is this field that the writer tries to explore.

The study envisages three main purposes: a) to examine the actual position of the Yang di-Pertuan Besar, Undang, Lembaga and Buapak in the past and at the present day,², b) to examine the actual situation, both from the theoretical and practical procedure as to how the elections of the Yang di-Pertuan Besar, Undang, Lembaga and Buapak are being carried out, c) to estimate how far the Adat is still being respected and valued by the society and the Government.

1. Refer to Sumber Pembachaan.

2. Before and after the introduction of State Administration.

In the Exercise the positions of the Yang di-Pertuan Besar, Undang, Lembaga and Buapak have been analysed before and after the introduction of the State Administration³ up⁴ the present day. The results indicate, that with the coming of the State Adminstration, the position of the Yang di-Pertuan Besar has much been uplifted and his powers enhanced, that of the Undang on the whole has much been weakened, and that of the Lembaga and Buapak has been deteriorating rapidly. Several causes and factors which contribute to the change have been given and discussed at some length.

With regards to the second purpose, certain specifice examples have been given and analysed. The conclusion shows, in the election of a Yang di-Pertuan Besar, no difficulty arises; the procedure is being laid down well and clearly even in the State Constitution, but in the election of an Undang, Lembaga, Buapak, several problems emerge, for instance which "perut"⁴ is entitled to the "giliran"⁵ and in the perut who is the most competent and ⁶ rightful to the claim of the "pusaka". The election of an Undang, Lembaga, Buapak, can in fact be described as the source of endless intrigues and disputes. The system of "giliran" does not look so simple and easy in its actual practice.

3. Brought by the British in 1895.

4. Sub-clan.

5. Rotation.

6. Offices in Adat.

Finally the question of how far the Adat is being respected and valued by the Government and the society. Several examples have been cited and analysed too. It is found out the Government respects and values the Adat in so far as it does not hinder the running of the administrative machinery of the State. Its attitude has always been to please and quieten the Adat officials. As to the attitude of the society towards the Adat it is quite difficult to estimate since the society is still in the process of changing from the traditional to the modern set up. In everyday life to a very great extent the people have ignored the administrative function of the Adat and have come over to Government administrative machinery but "emotionally" they still cling to the Adat. Nevertheless the Adat is fast crumbling. And this is not only the characteristic of the society in Adat Perpateh in Negeri Sembilan but also the Malay society in general.

Penghu jongan IISumber2 bachaanJournal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society.

1. A. Caldecott, Jelebu Customary Songs and Sayings, No. 78
(LXXVIII) 3-41.
2. C.W.C. Parr and W.H. Mackray, Rembau, Its History, Constitution
and Customs, No. 56.
3. D.F.H. Hervey, Rembau, XLI, 241-258.
4. H.A. O'Brien, Jelebu, XLV, 337-343.
5. M. Lister, The Negri Sembilan, Their Origin and Constitution,
XLIX, 35-53.
6. R.J. Wilkinson, Sungai Ujong, LXXXIII, 123-141.
7. R.N. Bland, Aturan Sungai Ujong, XXVIII, 53-72.
8. Some Rembau Customary Sayings, Vol. VI pt. 4, 54-53.

Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society.

1. Abdul Aziz bin Khamis, Adat Kuala Pilah, Vol. XLV, pt. 3,
190-225.
2. E.N. Tailor, The Customary Law of Rembau, VII, pt. 1, 1-283.
3. Hyde A., Naning Teromba, Vol. XLIX pt. 1, 131-136.
4. Winstedt, Sir Richard, A History of Negri Sembilan, Vol. XII,
pt. 3, 41-111.

Papers on Malay Subjects .

1. A. Caldecott , (second series), No. 1., Jelebu , Its History and Constitution .
2. J.E. Nathan and R.O. Winstedt , (second series) pt. 4 , Johol , Inas , Ulu Muar ,Jempul , Gunong Pasir and Terachi, Their History and Constitution .
3. R.J. Wilkinson , Law , Part 1 , Introductory Sketch .
4. R.J. Wilkinson , (second series) No.2 , Sri Menanti .

Buku2 lain .

1. Buyong Adil , Sejarah Alam Melayu , Penggal V , (1940)
2. G.A. de C. Moubray , Matriarchy in the Malay Peninsula ,(1931)
3. J.M. Gullick , Indigenous Political Systems of Western Malaya, (1958)
4. Newbold , British Settlement in the Straits of Malacca,(1839)
5. P.E. Josselin De Jong , Minangkabau aand Negeri Sembilan Socio-Political Structure in Indonesia , (1951)
6. Shahba , Pusaka Naning , (1951)
7. S. Takhdir Ali Shahbana , Puisi Lama ,(1954)

Penghujongan III

Di-antara Orang2 Yang Di-Temui

Pegawai2 Adat.

Dato' Undang Johol.
Dato' Undang Jelebu.
Dato' Naning.
Dato' Klana Petra Sungai Ujong.

Dato' Ombi, Jelebu.
Dato' Baginda Tan Mas, Johol.
Dato' Jenang, Johol.
Buapak Enam, Johol.

Dato' Sinda Maharaja, Rembau.
Dato' Kanda Singah, Rembau.
Dato' Langsa Hj. Sulaiman (terpechat), Rembau.
Laksamana Idris, Bongek, Rembau.
Menteri Shaari, Bongek, Rembau.
Katib Hj. Tahar, Bongek, Rembau.
Tengku Besar, Tampin.
Dato'2 Penghulu Repah, Keru, Tampin Tengah.

Pegawai2 Tadbir Kerajaan.

Timbalan Menteri Besar, Negri Sembilan.

Pegawai Jajahan Rembau.
Penolong Pegawai Jajahan Rembau.
Penolong Pegawai Jajahan Tampin.
Penolong Pegawai Jajahan Kuala Pilah.

Che' Mohd. Jan, kerani Pejabat Tanah Tampin.
Che' Shukor, kerani Pejabat Tanah Tampin.
Settlement Officer, Tampin.
Che' Adam Kassim, kerani Pejabat Tanah Rembau.
Che' Abdullah Hj. Dahir, kerani Pejabat Tanah Rembau.

Che' Itam Ahmad, ketua kampong Bongek, Rembau.
Che, Mohd. Nor Ahmad, ketua kampong Pedas, Rembau.

Ahli2 Ugama.

Hj. Zainuddin, Repah Tampin.
Mufti Negri Sembilan.

Pegawai2 Jabatan Ugama Negeri Sembilan.

Che' Abbas, Penolong Ketua Ugama.
Che' Yaacob, kerani.
Kerani Besar Pejabat Ugama.

Guru2 Sekolah¹

Che' Kassim Yusof, Sekolah Umum Rahang, Seremban.
Che' Hassan Ujang, Sekolah Umum Astana Raja, Rembau.
Che' Abd. Samad, Sekolah Umum Chembong, Rembau.
Che' Dol, Tengku Besar School Tampin.
Che' Ibrahim Hj. Maamor, Tengku Besar School Tampin.

Lain2.

Che' Gu Abbas Ali, K.G.V. School, Seremban.
Hj. Maamor, kedai kopi Chengkau, Rembau.
Che' Mohd. Zain, kedai gunting Chengkau, Rembau.
Che' Jabar Sidin, Mahasiswa University Malaya.
Saudara Hassanry, Mahasiswa University Jakarta.

1. Semua-nya orang kuat dalam U.M.N.O.

Penghujongan IVPerbilangan Adat Yang Memberi Panduan1. Susunan tadbiran.¹

Alam beraja,
 Luak berpenghulu,
 Suku bertua.
 Anak beribu-bapa.
 Orang semenda bertempat semenda.

2. Sekatan kuasa.¹

Adat yang berjanjang naik, bertangga turun;
 Berlukis berlembaga,
 Bertiru bertauladan

3. Kuasa² tadbiran pegawai² Adat.¹

Raja sa-keadilan,
 Penghulu sa-Undang,
 Tua sa-lembaga,
 Waris sa-pesak,
 Ibu-bapa sa-adat,
 Tempat semenda satu shahadat,
 Orang semenda sa-resam.

Raja berdaulat,
 Penghulu berandika:
 Raja bertitah,
 Penghulu bersabda;
 Raja berkhalfah,
 Penghulu bersuku.
 Undang berkelantasan,
 Lembaga bersekat.
 Raja bersejarah,
 Penghulu bersalasilah,
 Lembaga berteromba.

Raja berdaulat dalam alam-nya,
 Penghulu bernobat dalam suku-nya,
 Buapak bernobat dalam anak-buah-nya,
 Orang banyak bernobat dalam teratak-nya.

1. Di-kutip daripada Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society, No. 78.: Jelebu Customary Song and Sayings oleh A. Caldecott.

4. Pemilehan dan Pemechatan pegawai2 Adat.¹

Patah tumboh, hilang berganti.
 Ganti hidup berkeredlaan,
 Ganti mati berkebulatan.
 Kebulatan anak buah membuat atau memechat buapa;
 Buapa bulat, waris-nya rapat, membuat atau memechat tua;
 Kebulatan tua, boleh membuat atau memechat undang;
 Undang bulat, lembaga rapat, waris sedia, membuat atau
 memechat raja.

5. Penurunan harta pusaka.¹

Pesaka
 Yang bersesapan, yang berjerami,
 Bertunggul, berpemarasan.

Sah batal ka-pada sa-kadim;
 Kata berchari ka-pada waris-nya;
 Tinggal waris menongkat;

Tinggal sa-kadim melintang;
 Tinggal harta bertuan ta' jadi;
 Tinggal tua batal.

6. Pembahagian harta.¹

Chari bahagi,
 Dapatan tinggal,
 Pembawa kembali,
 Kutu di-belah,
 Suarang di-ageh,
 Rugi laba pulang ka-tempat semenda,
 Nyawa darah pulang ka-pada waris.

1. Di-kutip daripada Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society, No. 78.: Jelebu Customary Song and Sayings oleh A. Caldecott.

7. Adat Temenggong dan Adat Perpateh.¹

Ka-laut adat Temenggong:-
 Siapa menjala, siapa terjun,
 Siapa salah siapa bertimbang,
 Siapa berhutang, siapa membayar,
 Siapa membunoh siapa kena bunoh.

Ka-darat adat Dato' Perpateh:-
 Hutang nan berturut, chagar bergadai;
 Chinchang pampas, bunoh beri balas.

8. Hidup tolong menolong.¹

Dudok kita berpelarasan,
 Berdekat rumah, dekat kampong,
 Boleh minta-meminta,
 Akan jengok-menjengok
 Sakit dan pening.
 Sa-jamban sa-perulangan,
 Sa-pergi sa-permandian;
 Tanah-nya datar, ayer-nya jerneh,
 Muafakat-nya esa.

Kundor menjalar ka-ulu,
 Labu menjalar ka-hilir,
 Puchok-nya sama di-gatas,
 Buah-nya sama di-tarek:
 Dekat rumah dekat kampong;
 Sa-kampong sa-permainan,
 Sa-jamban sa-permandian.

9. Perhubungan Negeri Sembilan.²

Berjaya ka-Johor,
 Bertali ka-Siak,
 Bertuan ka-Minangkabau.

1. Di-kutip daripada Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society, No. 78.: Jelebu Customary Song and Sayings oleh A. Caldecott.
2. Di-kutip daripada Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society, Parr and Mackray, Rembau, Appendices.

10. Asal penduduk Rembau.²

Gagak Itam, gagak semui,
 Turun di-bukit berkaki empat,
 Bangau puteh datang di-laut,
 Berkepak saiap.

11. Kedudukan Yang di-Pertuan.²

Ada pun Raja itu tiada mempunya
 Negeri dan tiada menchukai
 Kharjat, melainkan berkeadilan
 Sahaja, serta permakanan duit
 Sasuku, beras sa-gantang,
 Nior satali.

12. Kuasa Undang dan Lembaga.²

Pesaka Undang berkelantasan
 Pesaka Lembaga bersekat
 Tali pengikat daripada Lembaga,
 Kris penyalang daripada Undang,
 Pedang pemanchong daripada keadilan.

13. Kuasa serta kedudukan ibu-bapa.

Aturan Ibu-bapa di-dalam
 Anak-buah-nya:
 Satu ekor kambing adat-nia,
 Dan pakaian tilam terbujor,
 Bantal bersusun, tabir terpasang,
 Langit2 terbantang, rebana di-pukol
 Inai di-tarekkan, Ibu-bapa
 Sa-adat dengan Besar.

14. Hidup bersaudaraan.²

Laksana sireh sa-rumpun,
 Laksana nior sa-tali,
 Sa-ikat ba'lembing,
 Sa-bungkus ba' nasi,
 Sa-kuchong ba' kuah,
 Berlapis ba' sawah.

2. Di-kutip daripada Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society, Parr and Mackray, Rembau, Appendices.

15. Asas tadbiran, di-Sungai Ujong, Jelebu, Rembau dan Johol.³

Aturan Sungai Ujong: berundang, berkeadilan, berterombang, bersalasilah.

Aturan Jelebu: berundang, berkeadilan, berlembaga.

Aturan Rembau: berundang, berlembaga.


Aturan Johol: berundang, berterombang, bersalasilah.

16. Kedudukan To' Jenang dan Undang di-Johol.


Takeh kayu Batin Jenang,
Putus tebus pada Undang.

3. Di-kutip daripada Papers on Malay Subjects, Nathan and Winstedt, Johol.

Penghujongan V



Peta Menunjukkan Sempadan2 Jajahan Negeri Sembilan.

Penghujong VI

Peta Menunjukkan Kedudukan Luak2 Dan Daerah2 Mengikut
Tadbir Adat.